

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kecil dengan keluasan 2,226 batu persegi atau 5,755 kilometer yang terbahagi kepada 4 daerah iaitu Daerah Temburong di bahagian Timur dan Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong serta Daerah Belait di bahagian Barat.¹

Pada tahun 2011, dianggarkan penduduk Brunei Darussalam berjumlah seramai 393,372 orang yang terdiri dari 203,149 orang lelaki dan 190,223 orang perempuan. Mengikut Akta Kebangsaan Brunei 1961, Melayu Brunei yang rasmi terdiri dari 7 puak iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut. Majoriti penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam adalah bangsa Melayu dengan jumlah seramai 258,465 orang. 40,534 orang telah direkodkan dari bangsa Cina yang merupakan bangsa ke dua terbesar selepas bangsa Melayu dan diikuti lain-lain bangsa sebanyak 94,373 orang. Walaupun mengikut geografi, Daerah Belait adalah daerah yang terbesar di Brunei Darussalam namun Daerah Brunei Muara yang merupakan daerah paling kecil di Brunei Darussalam mencatatkan penduduk yang terbesar iaitu seramai 279,925 orang disusuli Daerah Belait seramai 60,744 orang, Daerah Tutong seramai 43,852 orang dan Daerah Temburong seramai 8,852 orang.²

Dari sudut bangsa Cina di Brunei Darussalam, kebanyakan mereka menetap di Daerah Brunei Muara dengan jumlah seramai 26,632 orang iaitu lebih separuh dari jumlah keseluruhan bangsa tersebut. Manakala Daerah Belait mencatatkan seramai

¹Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011 (Brunei Darussalam: Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, 2012), 1.

²Ibid, 7.

11,215 orang dan Daerah Tutong seramai 2,454 orang. Hanya sedikit sahaja bangsa Cina yang direkodkan di Daerah Temburong iaitu seramai 233 orang.³

Berdasarkan sejarah, masyarakat Cina mempunyai tamadun yang diakui oleh kebanyakan negara sebagai tamadun yang terbilang dalam sejarah peradaban manusia lebih-lebih lagi ketika zaman pemerintahan Dinasti Ming pada abad ke 13. Sebelum tibanya zaman moden, tamadun Cina menonjolkan kehidupan yang harmoni, mementingkan hidup bermasyarakat dan mendukung ajaran falsafah kehidupan.⁴ Dari aspek agama pula, kebanyakan mereka mengikut ajaran Konfius, Buddha dan Taoisme. Mereka kuat dipengaruhi dengan kepercayaan terhadap magis dan animisme disebabkan mereka sering berinteraksi dengan unsur-unsur animisme.⁵

Selain itu, masyarakat Cina merupakan masyarakat yang banyak bermastautin dikebanyakan negara tidak terkecuali di Asia Tenggara terutama sekali di Tanah Melayu.⁶ Orang Cina yang terdapat di Kepulauan Melayu dipercayai berasal dari daerah China Selatan bahagian timur negeri Tibet atau Yunan.⁷

Dalam konteks Brunei Darussalam, kedatangan bangsa Cina sejak tahun 1971 hingga 2011 merekodkan pertumbuhan yang meningkat iaitu 31,925 orang pada tahun 1971 dan 40,534 orang pada tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 21%.⁸

PERMASALAHAN KAJIAN

Islam di Brunei Darussalam mula tersebar dan berkembang pada abad ke 14 setelah Awang Alak Betatar menerima Islam sebagai pegangan hidup. Sejarah permulaan kegemilang Islam ini menjadikan beliau sebagai sultan Brunei yang pertama

³Ibid, 13.

⁴ Suffian Mansor, *Tamadun China*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 32.

⁵ Faizuri Abd Latif dan Mohd Kamil Hj Abd Majid, *Islam dan Faham-Faham Keagamaan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011), 52.

⁶Ibid, 41.

⁷ Wang Gungwu, *Latarbelakang Kebudayaan Cina* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979), 67.

⁸Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011, 15.

memeluk agama Islam dan dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah.⁹ Pada masa yang sama Brunei pada ketika itu menjadi tempat persinggahan para pedagang khususnya dari negara Arab yang menjadikan Brunei salah satu tempat penyebaran Islam. Bertitik tolak dari sini, Brunei dikenali sebagai sebuah negara Islam dengan majoriti penduduknya.¹⁰ Kehidupan rakyat Brunei berpandukan dengan ajaran-ajaran Islam terus dipraktikkan sehingga ke hari ini.

Pada masa ini, penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam terdiri dari berbilang bangsa dan agama namun Islam diangkat sebagai agama rasmi negara.¹¹ Justeru, segala ajaran-ajaran Islam begitu mudah dilakukan dan dipraktikkan di Brunei sehingga boleh menggambarkan keindahan yang terkandung dalam Islam kepada *non-Muslim* yang tinggal di Brunei Darussalam.

Namun pada era ini, Islam adalah agama yang sering disalahfahamkan oleh *non-Muslim* lebih-lebih lagi di negara Barat yang berfikiran negatif terhadap Islam.¹² Fikiran sebegini sememangnya merupakan salah satu cabaran dalam menyebarkan dakwah Islam apatah lagi di zaman yang berteknologi canggih ini, gambaran yang kurang baik tentang Islam mudah sahaja disebarluaskan melalui media.

Selain itu juga, pihak Barat cenderung menganggap Islam sebagai ancaman kepada mereka. Justeru mereka mengapi-apikan dunia dengan pernyataan bahawa Islam adalah agama yang bahaya di dunia sejagat ini.¹³

⁹ PL Amin Sweeney, “*Silsilah Raja-Raja Brunei*”, *JMBRAS*, vol. 4, (Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 1986), 52.

¹⁰ Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd Zain bin Hj Serudin, *Brunei Darussalam: Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya* (Brunei Darussalam: Azza Publisher & Distributors, 1992), 29.

¹¹ *Ibid*, 1.


¹² Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, “*Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari*”, *Jurnal Hadhari*, Bil 1, (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 77.

¹³ John L. Esposito, *Ancaman Islam: Mitos Atau Realiti*, terj. Nor Azita Omar (Selangor: MidModal Industries Sdn. Bhd, 2004), 10.

Dalam konteks kehidupan masyarakat majmuk di Brunei Darussalam, masyarakat Islam di Brunei setentunya tidak terkecuali dari menghadapi dan menangkis gambaran-gambaran yang negatif tentang Islam yang disebarluaskan oleh musuh Islam yang boleh mempengaruhi persepsi *non-Muslim* terhadap Islam terutama sekali bangsa Cina.

Jika dilihat dari sudut penerimaan dakwah Islam dari kalangan bangsa Cina di Brunei Darussalam dari tahun 2001 hingga 2011 dilihat tidak begitu memuaskan kerana kadangkala naik dan kadangkala turun dari tahun ke tahun walaupun tidak dinafikan terdapat segelintir dari bangsa ini memilih agama Islam sebagai pegangan mereka.

Rajah 1.1: Jumlah Bangsa Cina Yang Memeluk Agama Islam Pada Tahun 2001 Hingga 2011 Di Brunei Darussalam



Sumber: Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam, 2012.

Berdasarkan rajah 1.1 ini, bangsa Cina yang memeluk agama Islam pada tahun 2008 mencatatkan jumlah yang paling banyak semenjak permulaan abad ke 21 iaitu seramai 78 orang. Manakala jumlah yang sedikit menerima agama Islam dicatatkan pada tahun 2003 dengan keramaian 53 orang.

Secara umumnya jumlah orang yang menerima agama Islam dari bangsa Cina tidak menentu dari tahun ke tahun. Justeru, boleh dikategorikan bahawa penerimaan

agama Islam dari kalangan bangsa Cina ditahap yang rendah dan belum memuaskan walaupun aktiviti-aktiviti dakwah terhadap mereka giat dilakukan.

Oleh yang demikian, perkara ini mendorong pengkaji untuk membuat satu kajian awal berkaitan dengan masyarakat Cina dari sudut persepsi mereka terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Dengan adanya kajian seperti ini akan dapat memudahkan lagi kerja dakwah yang diusahakan ke atas mereka.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menumpukan terhadap bangsa Cina di Brunei Darussalam yang bukan beragama Islam. Objektif kajian antara lain ialah:

- i) Mengukur tahap pengetahuan masyarakat Cina tentang agama Islam.
- ii) Mengkaji persepsi masyarakat Cina yang bukan beragama Islam terhadap agama Islam di Brunei Darussalam.
- iii) Mengkaji persepsi masyarakat Cina yang bukan beragama Islam terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam.

1.3 BATASAN KAJIAN

Kajian yang dikaji tidak meliputi seluruh Daerah Brunei Darussalam akan tetapi hanya menumpukan kepada Daerah Brunei Muara sahaja. Oleh yang demikian, data yang diperolehi dalam kajian ini tidak dapat mewakili masyarakat Cina yang berada di Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Ada pun pengkaji memilih Daerah Brunei sebagai lokasi kajian adalah kerana kebanyakan bangsa Cina menetap di daerah ini berbanding daerah yang lain di samping Daerah Brunei Muara merupakan pusat bandar yang menjadi tumpuan bagi penduduk Brunei Darussalam untuk berkerja mahu pun menjalani perniagaan. Tidak hairanlah kebanyakan bangsa Cina memilih untuk menetap di daerah Brunei Muara.

Manakala pemilihan responden pula, kajian hanya terbatas kepada bangsa Cina yang bukan beragama Islam sahaja. Justeru, data yang didapati dalam kajian ini tidak dapat dikaitkan dengan masyarakat Cina yang sudah memeluk agama Islam. Dari sudut umur pula, pengkaji membataskan kajian kepada responden yang sudah aqil baligh iaitu dari umur 15 tahun dan ke atas. Oleh yang demikian, hasil dapatan yang pengkaji perolehi tidak dapat digeneralisasikan kepada masyarakat Cina yang berumur bawah 15 tahun.

Manakala dari sudut metode kajian, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada kaedah kuantitatif. Ada pun dari sudut tempoh masa kajian pula, ia dijalankan pada tahun 2012 hingga 2013 sahaja. Dari tinjauan yang dilakukan, pengkaji tidak menemui kajian terdahulu mengenai persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru dan sebagai langkah awal dalam membuat kajian terhadap masyarakat Cina di Brunei Darussalam.

1.4 KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pembacaan dan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, kajian yang khusus terhadap masyarakat Cina di Brunei Darussalam dari sudut dakwah sukar ditemui sehingga pengkaji tidak menemui sebarang kajian yang berkaitan dengan persepsi masyarakat Cina terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Ini memberi gambaran bahawa kajian terhadap masyarakat Cina kurang menjadi sambutan di Brunei Darussalam lebih-lebih lagi dari sudut dakwah. Oleh yang demikian, kajian yang pengkaji jalankan berkaitan persepsi masyarakat Cina terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam merupakan satu kajian baru yang boleh disumbang untuk kegunaan gerakan dakwah di Brunei Darussalam.

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa kajian telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan tentang dakwah kepada orang bukan Islam khususnya masyarakat Cina akan tetapi jumlahnya hanya sedikit. Antara kajian yang di buat ialah:

- 1) Kajian yang bertajuk “*Al-Ṣinniyūn fi Brunei Darussalam wa Kayfiyyat Da’watahum Ila al-Islām*” yang dikaji oleh Mariana@ Nurafwah Farhanah Binti Haji Abdul Razak.

Hasil Kajian: Kajian ini memberi gambaran umum tentang orang Cina yang tinggal di Brunei Darussalam. Hasilnya, orang Cina di Brunei Darussalam kebanyakannya beragama Tao, Konfusius dan Buddha. Begitu juga perayaan yang di sambut oleh golongan ini sama seperti orang-orang Cina di luar negara umumnya.¹⁴

- 2) Penulisan tentang kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Cina di Brunei Darussalam dalam buku yang berjudul “*Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun Di Negara Brunei Darussalam*” yang diterbitkan oleh Pusat Da’wah Islamiah Brunei Darussalam.

Hasil Penulisan: Buku yang ditulis oleh Haji Abdul Kadir Leong ini menerangkan tentang kepercayaan dalam kalangan masyarakat Cina di Brunei Darussalam seperti percaya tentang nasib untung dan rugi merupakan takdir tuhan namun mereka tidak percaya tentang hari kiamat dan hari pembalasan. Kebiasaan masyarakat Cina mengikut adat kepercayaan nenek moyang mereka walaupun pada hakikatnya mereka boleh menerima apa jua bentuk kepercayaan agama asalkan menyeru kepada kebaikan lebih-lebih lagi di dunia ini. Selain itu juga, di dalam buku ini menerangkan usaha-usaha dakwah yang diusahakan oleh kerajaan Brunei Darussalam kepada masyarakat Tiong Hwa ini. Dalam satu kajian yang dituliskan dalam buku ini

¹⁴ Mariana@ Nurafwah Farhanah, “*Al-Ṣinniyūn fi Brunei Darussalam wa Kayfiyyat Da’watahum Ila al-Islām*” (Disertasi Sarjana, Universiti Brunei Darussalam, 2004)

mendapati berdakwah kepada orang-orang Cina yang belum beragama Islam di Brunei tidak menghadapi sebarang rintangan. Lebih dari itu, mereka mahu memeluk Islam kerana persekitaran yang mendedahkan ajaran-ajaran Islam yang baik dan murni.¹⁵

- 3) Kertas kerja yang bertajuk “*Sejarah Dan Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam Di Brunei Darussalam*” oleh Haji Abdul Qadir Leong.
Hasil Kajian: Kertas kerja ini lebih menjurus kepada penjelasan tentang sejarah kedatangan orang-orang Cina ke Brunei Darussalam yang bermula pada tahun 1264 M. Bukti ini dikuatkan dengan penemuan batu nisan Pu Kung Chin yang dikatakan beliau adalah seorang Cina Islam. Begitu juga hubungan antara negeri China dengan Brunei Darussalam sudah lama wujud sama ada melalui hubungan persahabatan, perdagangan dan perkahwinan. Di samping itu juga, kedudukan orang Cina di Brunei tidak diabaikan lebih-lebih lagi kebanyakan bangsa ini banyak memberi sumbangan terhadap ekonomi Brunei Darussalam.¹⁶

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian di Brunei Darussalam ini, tidak terdapat kajian yang menyentuh tentang persepsi masyarakat Cina di Brunei Darussalam terhadap agama Islam dan masyarakat Islam. Walaupun begitu terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan persepsi orang Cina terhadap Islam dalam konteks Negara Malaysia yang dapat dijadikan rujukan pengkaji ketika menjalankan kajian di Brunei Darussalam. Antaranya ialah:

- 1) Kajian bertajuk “*Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*” yang dikaji oleh Yunus Abdullah Ma Zheng Bin.

¹⁵ Abd Kadir Leong, *Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun Di Negara Brunei Darussalam* (Brunei Darussalam: Pusat Da’wah Islamiah Brunei, 2005).

¹⁶ Hj Abd Qadir Leong, *Sejarah Dan Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam Di Brunei Darussalam* (Seminar Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam di Nusantara, Kuala Terengganu, Terengganu, 24-26 Ogos 2006).

Hasil Kajian: Kajian ini mendapati bahawa kefahaman orang Cina tentang Islam amat cetek sehingga ada yang menganggap Islam menolak kemajuan dan kemodenan. Begitu juga mereka menganggap Islam adalah agama yang khusus untuk orang Melayu sahaja. Hasil kajian ini juga mendapati golongan intelek Cina bersikap prejudis terhadap agama Islam dan menggambarkanya sebagai agama yang tidak maju. Bagi golongan yang sederhana pula bersikap positif terhadap Islam manakala orang awam Cina tidak tahu tentang agama Islam kecuali berdasarkan apa yang dilihat oleh mata mereka sendiri.¹⁷

- 2) Kertas kerja berjudul “*Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Di Malaysia*” oleh Chia Oai Peng.

Hasil Kajian: Kertas kerja ini mengkaji tentang persepsi orang Cina terhadap agama Islam dengan menggunakan sampel dari pelajar peringkat universiti. Hasil dari kajian ini mendapati kurang dari separuh dari responden berpandangan negatif terhadap Islam. Kebanyakan yang memberi pandangan negatif ini melihat Islam mempunyai peraturan yang banyak pantang larang dan ketat.¹⁸

Kesimpulannya, setelah membaca dan meneliti terhadap kajian-kajian lepas dan buku-buku ditulis tentang masyarakat Cina di Brunei Darussalam, aspek pandangan mereka terhadap agama Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam belum disentuh oleh pengkaji tempatan mahu pun luar negara. Begitu juga tidak banyak kajian dan buku yang ditulis menyebab kesukaran untuk mendapatkan bahan berkaitan dengan masyarakat Cina di Brunei Darussalam dari sudut keagaamaan.

¹⁷Yunus Abdullah Ma Zheng Bin, *Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Islam, Universiti Malaya, 2001).

¹⁸ Chia Oai Peng, *Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Di Malaysia* (Seminar Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam di Nusantara, Kuala Terengganu, Terengganu, 24-26 Ogos 2006).

Adapun kajian persepsi masyarakat terhadap agama Islam di Malaysia sudah lama dan banyak dikaji. Kajian-kajian yang sudah dibuat ini dijadikan sebagai rujukan utama dan panduan pengkaji ketika menjalankan kajian.

Justeru kajian yang pengkaji usahakan ini merupakan sebagai langkah permulaan dalam pengkajian yang khusus terhadap masyarakat Cina di Brunei Darussalam dari sudut persepsi mereka terhadap Islam dan masyarakat Islam.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Untuk memperluaskan lagi agama Islam di Brunei Darussalam, bermacam-macam bentuk kajian dilaksana demi memajukan negara dan institusi gerakan dakwah. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat menyumbangkan kepada perkara-perkara berikut:

- i) Kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada badan gerakan dakwah di Brunei Darussalam dalam menjalankan tugas berdakwah kepada masyarakat Cina. Di samping itu juga, dengan mengetahui persepsi masyarakat Cina terhadap Islam akan memudahkan lagi pemilihan strategi dan melicinkan misi dakwah kepada orang bukan Islam.
- ii) Kepentingan kajian ini juga boleh dilihat dari sudut akademik. Ahli akademik dan juga pelajar dapat menjadikannya sebagai satu sumber atau rujukan dalam memperluaskan ilmu pengetahuan tentang masyarakat Cina dari sudut pemikiran dan pandangan mereka terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam.
- iii) Selain itu juga, kajian ini dapat menyedarkan masyarakat Islam di Brunei Darussalam tentang persepsi masyarakat Cina terhadap tatacara kehidupan yang dipraktikkan oleh orang Islam dan seterusnya berusaha memperbetulkan kefahaman yang salah jika terdapat persepsi yang negatif.

iv) Kajian ini juga boleh membantu badan gerakan dakwah luar negara khususnya di nusantara untuk mengetahui pendekatan dakwah yang diusahakan terhadap orang bukan Islam di Brunei Darussalam. Dengan adanya gambaran perjalanan dakwah di Brunei Darussalam ini dapat memberi ruang kepada pendakwah luar negara untuk menambah lagi ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan dakwah.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan yang sempurna dan berkualiti tertakluk pada pengumpulan data dan kaedah penyelidikan.¹⁹ Bagi menerangkan metodologi kajian ini dengan lebih lanjut, pengkaji menghuraikannya dari dua sudut iaitu pengumpulan data dan analisis data.

1.6.1 Pengumpulan Data

Ketika menjalankan kajian ini agar objektif yang ingin dicapai berhasil, pengkaji menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan.

1.7.1 (a) Kaedah Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan merupakan kaedah yang menjadi tumpuan pengkaji semasa membuat kajian ini. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ialah dengan soal selidik. Hasil kajian melalui soal selidik ini merupakan data utama dalam kajian ini. Penggunaan kaedah soal selidik sebagai alat pengukuran adalah lebih praktikal dan berkesan kerana ia menguji populasi yang besar.²⁰

Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada para responden kajian. Dalam proses membuat soalan-soalan

¹⁹ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 67.

²⁰ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 21.

kajian, pengkaji menjadikan beberapa tesis dan disertasi sebagai rujukan dan panduan, antaranya ialah:

- 1) Desertasi berjudul “*Persepsi Orang Cina Terhadap Islam di Kuala Terengganu*” oleh Yunus Abdullah Zheng Bin.²¹
- 2) Tesis bertajuk “*Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan*” oleh Ab Aziz bin Mohd Zin.²²
- 3) Tesis berjudul “*Penerimaan dan Kefahaman Tentang Islam dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam*” oleh Hajah Rasinah binti Haji Ahim.²³

Tesis kedoktoran dan disertasi sarjana ini dijadikan panduan untuk pengkaji membina borang soal selidik namun pengubahsuaian dan penambahan juga dibuat terhadap soalan-soalan tertentu agar bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditetapkan dan situasi tempat kajian yang dilaksanakan.

Dalam membuat borang soal selidik, pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu A, B, C, D dan E. Bahagian A adalah soalan yang berkaitan dengan demografi responden iaitu jantina, umur, taraf kerakyatan, agama, pekerjaan dan tahap pendidikan. Pada bahagian B pula, soalan berkaitan dengan sumber dan tahap pengetahuan responden tentang agama Islam terhadap dibuat dan diukur melalui jawapan (1) salah, (2) Tidak Pasti (3) Betul.

Bahagian C merupakan soalan tentang persepsi responden terhadap agama Islam dengan mengajukan 9 soalan yang diukur dengan 5 pilihan jawapan

²¹ Yunus Abdullah Zheng Bin, *Persepsi Orang Cina Terhadap Islam di Kuala Terengganu* (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

²² Abd Aziz bin Mohd Zin, *Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan* (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994).

²³ Hjh Rasinah binti Hji Ahim, “*Penerimaan dan Kefahaman Tentang Islam dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam*” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

menggunakan skala likert iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju, (5) Sangat Tidak Setuju. Pada bahagian D pula, pengkaji membina 9 soalan dengan menggunakan skala likert (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak Pasti (4) Setuju (5) Sangat Setuju untuk mengetahui persepsi responden terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Pada bahagian akhir iaitu bahagian E, pengkaji membuat soalan tentang faktor terhadap penerimaan dan penolakan responden agama Islam dengan menyenaraikan beberapa sebab jika mereka ingin dan menolak untuk menerima Islam sebagai agama mereka.

Dari sudut penulisan bahasa, pengkaji membuat item-item soalan dan arahan dalam borang soal selidik dengan 3 bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Penggunaan bahasa dalam pembinaan borang soal selidik ini merupakan faktor penting bagi pengkaji agar responden faham tentang soalan-soalan yang diajukan dan seterusnya memberi jawapan yang mereka rasakan benar atau betul bagi mereka. Untuk menterjemahkan borang soal selidik dalam bahasa Cina, pengkaji meminta kerjasama dari seorang kerani yang mahir dalam bahasa Cina dan seterusnya diperiksa dan disahkan oleh seorang pendakwah Islam yang berbangsa Cina di Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam iaitu Ustaz Kamal Leang.

Bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian yang dibuat serta melicinkan pengagihan borang soal selidik kepada responden, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan dan meminta kebenaran dari pihak yang berautoriti di Brunei Darussalam yang ada mempunyai kaitan dengan kajian yang pengkaji jalankan. Perkara ini amat penting bagi pengkaji kerana ia melibatkan orang bukan Islam lebih-lebih lagi ia menyentuh hal agama. Dengan adanya kebenaran dari pihak berautoriti, kebanyakan responden memberi kerjasama yang baik dengan pengkaji walaupun terdapat segelintir kecil dari responden yang tidak mahu memberi kerjasama. Antara pihak berautoriti tersebut ialah:

- 1) Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam.
- 2) Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Brunei Darussalam.
- 3) Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam.

Setelah selesai proses pembinaan borang soal selidik dan mendapat kebenaran dari pihak berautoriti untuk menjalakan kajian penyelidikan, barulah pengkaji menjalankan kajian dalam 2 peringkat:

- 1) Peringkat Pertama – Kajian Rintis

Kajian rintis (*Pilot Test*) merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Ia sangat penting bagi sebuah kajian untuk menguji dan membina keberkesanan alat kajian yang digunakan. Kajian rintis ini juga membantu pengkaji mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian kajian utama yang bakal dijalankan.²⁴

Oleh yang demikian, sebelum borang soal selidik diedarkan kepada para responden kajian sebenar, pengkaji terlebih dahulu menjalankan satu kajian rintis pada bulan Februari 2013 dengan mengagihkan kepada 30 orang responden. Responden kajian rintis ini dilakukan di daerah Tutong dengan memfokuskan bangsa Cina yang bukan beragama Islam bermula dari umur 15 tahun sehingga 50 tahun ke atas.

Ada pun dari sudut kesahan kandungan atau *Content Related Evidence Validity* soal selidik yang dibina, pengkaji telah merujuk kepada bahan-bahan yang telah dikumpul sama ada dari buku, jurnal, disertasi dan tesis. Setelah itu, soalan-

²⁴ Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan – Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006) 1: 257

soalan yang dibuat pengkaji kemukakan kepada penyelia untuk mendapat sebarang komen, pengurang mahu pun penambahan. Setelah diperiksa dan diteliti, segala cadangan soalan yang diberikan, pengkaji ubah mengikut kesesuaian kajian.

Mengikut kaedah statistik, kebolehpercayaan alat ukur atau alat kajian boleh diuji mengikut nilai *Alfa Cronbach*. Nilai kebolehpercayaan alat ukuran yang boleh diterima dan digunakan dalam kajian hendaklah mendapat skor 0.6 dan keatas.²⁵ Begitu juga menurut Mohd Majid dalam buku beliau *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* menyatakan bahawa pekali kebolehpercayaan yang lebih dari 0.60 menunjukkan sesuatu alat kajian itu sesuai digunakan.²⁶

Jadual 1.1: Jumlah Nilai Alfa Cronbach

Item	Jumlah Item	Alfa Cronbach
Persoalan mengenai pengetahuan tentang agama Islam	9	0.650
Persoalan tentang persepsi terhadap Islam	9	0.641
Persoalan tentang persepsi terhadap masyarakat Islam	9	0.629

Sumber: Borang Soal Selidik, Februari 2013.

Ada pun item-item borang soal selidik yang pengkaji buat, setelah diuji mengikut *Alfa Cronbach* telah menepati syarat yang ditetapkan iaitu melebihi 0.6 keatas. Justeru, item-item yang dibina oleh pengkaji dapat digunakan untuk menjalankan kajian sebenar untuk mendapatkan data responden.

2) Peringkat Kedua – Kajian Sebenar

Kajian sebenar hanya dilaksanakan setelah kajian rintis selesai dibuat. Ada pun kajian sebenar dilaksanakan ke atas masyarakat Cina yang bukan beragama Islam yang tinggal di daerah Brunei Muara sahaja. Faktor-faktor yang membuat pengkaji memilih daerah Brunei Muara sebagai kawasan kajian ialah disebabkan:

²⁵ Sekaran, *Research Methods for Business*, ed. Ke-2 (New York: Wiley, 1992), 30.

²⁶ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 11.

1. Daerah Brunei Muara merupakan tempat tinggal kebanyakan orang Cina di Brunei Darussalam berbanding daerah-daerah lain.
2. Ibu negara Brunei Darussalam terletak di daerah Brunei Muara. Begitu juga bangunan-bangunan kerajaan banyak berpusat di daerah ini. Oleh yang demikian, segala urusan-urusan yang dibuat oleh masyarakat Cina kebanyakannya berpusat di daerah Brunei Muara yang menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajian di daerah ini.

Asas penting dalam peringkat kajian sebenar ini ialah jumlah responden mampu mewakili populasinya iaitu golongan yang menjadi sasaran kajian. Seramai 26,632 orang bangsa Cina telah direkodkan di daerah Brunei Muara. Dari jumlah populasi tersebut seramai 21,140 orang adalah dari kalangan bangsa Cina yang berumur 15 tahun dan ke atas.²⁷ Berdasarkan kepada pengiraan Krejcie dan Morgan jika jumlah populasi kajian sekitar 20,000 hingga 30,000 orang, maka jumlah sampel yang diperlukan ialah 379 orang.²⁸

Sebanyak 450 set borang telah disediakan untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji menyediakan set borang melebihi jumlah responden yang diperlukan kerana ditakuti terdapat responden yang tidak memberi kerjasama semasa kajian dilaksanakan. Sebilangan responden simpanan perlu diadakan dan dipilih daripada populasi kajian kerana berkemungkinan ada kes di mana responden tidak bekerjasama.²⁹

Pada akhir proses pengagihan seramai 385 orang responden daripada 450 set borang diedar telah melengkapkan borang soal selidik dengan sempurna. Terdapat segelintir responden yang tidak memberi kerjasama kerana beranggapan kajian yang

²⁷*Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011* (Brunei Darussalam: Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2013), 93.

²⁸ Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik*, 1: 186.

²⁹*Ibid.*, 192.

pengkaji buat ini adalah satu isu yang menyentuh sensitiviti mereka. Pemilihan sampel pula dengan menggunakan prosedur persampelan rawak mudah dengan mengagihkan borang soal selidik ke rumah dan tempat kerja responden. Persampelan ini digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian.³⁰

4 buah sekolah di daerah Brunei Muara yang mempunyai pelajar bangsa Cina yang bukan beragama Islam juga pengkaji agihkan untuk mendapatkan data kajian. Sekolah-sekolah yang dipilih ini merupakan sekolah tingkatan enam dan ke atas berdasarkan kebanyakan para pelajarnya berumur 15 tahun dan ke atas iaitu syarat minimum dari segi umur untuk dijadikan sampel kajian. Antara sekolah-sekolah tersebut ialah:

- 1) Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Brunei Darussalam.
- 2) Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Brunei Darussalam.
- 3) Pusat Tingkatan Enam Katok. Brunei Darussalam.
- 4) Pusat Tingkatan Enam Meragang. Brunei Darussalam.

Proses pengagihan borang soal selidik dan pengumpulan semula data tersebut telah berjalan selama 6 bulan iaitu pada bulan Mei 2013 hingga Oktober 2013. Manakala umur responden yang dijadikan sampel kajian ialah 15 tahun dan ke atas.

1.7.1 (b) Penyelidikan Kepustakaan

Berpandukan kaedah penyelidikan kepustakaan ini, pengkaji mengumpulkan segala bahan-bahan yang ada kaitan dengan kajian yang dibuat dengan tujuan untuk mengetahui konsep dan teori kajian. Bahan-bahan ini termasuklah seperti berikut:

- a. Buku

³⁰Ibid., 190.

Buku yang berautoriti boleh dikategorikan kepada dua jenis. Pertama ialah buku yang dihasilkan oleh penulis yang diiktiraf keahliannya dan kepakarannya dalam sesuatu bidang dan seterusnya diterbitkan oleh penerbit manakala jenis ke dua ialah buku klasik yang dikatakan kitab muktabar dalam pengajian Islam.³¹ Ada pun buku yang menjadi rujukan utama dalam kajian ini ialah:

- 1) *Salah Faham Terhadap Islam* yang dikarang oleh Muhammad Qutb terjemahan Yusoff Zaky Yacoob.³²
- 2) *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia* yang ditulis oleh Mahmood Nazar Mohamed.³³
- 3) *Dinamika Tasawur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat* yang dibukukan oleh Ghazali Basri.³⁴
- 4) *Falsafah Perundangan Islam* yang ditulis oleh Sobhi Rajab Mahmassani dan diterjemahkan oleh Muflilha Wijayati.³⁵
- 5) *Non-Muslims Under Shariah (Islamic Law)* yang ditulis oleh Abd. Rahman I. Doi.³⁶
- 6) *Islam The Misunderstood Religion* yang dibuat oleh Dr Danial Zainal Abidin.³⁷
- 7) *The Theory of Knowledge Classical and Contemporary Readings* yang ditulis oleh Louis P. Pojman.³⁸

³¹Ibid., 68.

³² Muhd Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd, 1994)

³³ Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970)

³⁴Ghazali Basri, *Dinamika Tasawur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat* (Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2008).

³⁵ Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam*, terj. Muflilha Wijayati (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009).

³⁶ Abd. Rahman, *Non-Muslims Under Shariah (Islamic Law)*, (Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1994).

³⁷ Dr Danial Zainal Abidin, *Islam The Misunderstood Religion* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2011).

³⁸ Louis P. Pojman, *The Theory of Knowledge Classical and Contemporary Readings* (Belmont: Thomas Learning, 2003).

8) *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami* yang dikarang oleh Yusuf al-Qardhawi.³⁹

9) *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* yang dihasilkan oleh Yusuf al-Qardhawi.⁴⁰

b. Jurnal

Jurnal merupakan satu kajian secara akademik yang melalui proses yang begitu teliti. Semakan terhadap jurnal yang akan diterbitkan mungkin akan mengambil masa yang lama sehingga berpuas hati barulah jurnal berkenaan diterbitkan.⁴¹ Atas ketelitian yang dibuat dalam menerbit sesuatu jurnal ini, ia dapat membantu pengkaji dalam melakukan penyelidikan agar kajian yang dibuat berkualiti. Antara jurnal yang menjadi rujukan pengkaji ialah:

1) Jurnal Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

2) Jurnal Al-Tamaddun, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

c. Laporan

Selain itu juga, pengkaji menggunakan laporan yang diterbitkan dalam bentuk tesis dan disertasi yang dikaji oleh pengkaji dari universiti-universiti. Bahan laporan ini melalui proses yang ketat dan kajian yang teliti sehingga tinggi nilainya dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat.⁴² Oleh yang demikian, ia menjadi salah satu sumber rujukan penting bagi pengkaji untuk melaksanakan kajian. Antara laporan yang menjadi sumber utama rujukan pengkaji ialah:

1) Tesis kedoktoran yang bertajuk *Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat*

³⁹ Yusuf al-Qardhawi, *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami* (Kaherah: Maktabah Wabbah, 1977).

⁴⁰ Yusuf al-Qardhawi, *Min Fiqh al-Dawlahfi al-Islam* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1977).

⁴¹*Ibid.*, 69.

⁴²*Ibid.*

Cina di Wilayah Persekutuan oleh Abd. Aziz bin Mohd Zin dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- 2) Tesis kedoktoran berjudul *Penerimaan Dan Kefahaman Tentang Islam Dalam Masyarakat Dusun dan Murut Di Brunei Darussalam* oleh Hjh Rasinah binti Hj Ahim dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 3) Disertasi sarjana yang bertajuk *Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam* oleh Yunus Abdullah Ma Zheng Bin dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Bagi mendapat bahan daripada buku, jurnal dan laporan ini, pengkaji telah merujuk kepada buku-buku yang terdapat dalam perpustakaan peribadi pengkaji di samping mengunjungi beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah:

- 1) Perpustakaan Universiti Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- 2) Perpustakaan Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam.
- 3) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 4) Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- 5) Perpustakaan Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- 6) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- 7) Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.

1.6.2 Analisis Data

Analisis bermaksud aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Data pula ialah bahan mentah yang tidak member sebarang maklumat yang berguna tentang sesuatu masalah kajian kecuali setelah dianalisis. Oleh yang demikian, penganalisan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan.⁴³

⁴³ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 309.

Ada pun dalam proses analisis data kajian yang diperolehi oleh pengkaji melalui pengedaran borang soal selidik, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 19.0. Setelah selesai memasukan data kajian, pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan ciri-ciri variabel.

1.7 SUSUNAN PENULISAN

Dalam penyusunan bab dan pecahannya, pengkaji membahagikan kepada 5 bab seperti berikut:

1. Bab 1: Pengkaji memulai penulisan dalam bab ini dengan pendahuluan dan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian dan pecahan bab.
2. Bab 2: Bab ini menghuraikan tentang asas-asas yang terkandung Islam secara umum. Selain itu juga, perbincangan berkaitan dengan orang bukan Islam (*Non Muslim*) dari sudut definisi dan pembahagiaannya serta hubungan Islam dengan mereka dihuraikan dalam bab ini. Bab ini juga menyentuh tentang persepsi mereka terhadap Islam dan masyarakat Islam.
3. Bab 3: Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan tentang Brunei Darussalam secara ringkas dan sejarah kedatangan Islam pada masa dulu serta perkembangannya hingga sekarang. Perbincangan tentang masyarakat Cina di Brunei Darussalam juga dimuatkan dalam bab ini. Di samping itu, corak kehidupan masyarakat Cina di Brunei Darussalam serta usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei terhadap masyarakat ini turut dijelaskan.
4. Bab 4: Bab ini memfokuskan terhadap kajian yang dibuat iaitu dengan menganalisis data yang dikumpulkan. Huraian terhadap hasil dapatan kajian

dibuat dengan mengaitkan antara data yang diperolehi dari bahan bacaan (penyelidikan perpustakaan) dan data yang terhasil dari soal selidik (penyelidikan lapangan).

5. Bab 5: Penulisan kajian ini diakhiri dengan penutup dalam bab ini yang menyentuh dua perkara. Perkara pertama ialah merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan dan perkara kedua ialah memberi cadangan atau saranan yang berpatutan berdasarkan dari hasil kajian.

BAB 2

ISLAM, NON-MUSLIM DAN PERSEPSI

2.1 PENDAHULUAN

Manusia diciptakan oleh Allah SWT dari pelbagai jenis baik dari segi warna kulit, bahasa, kaum dan keturunan. Dengan kepelbagaian manusia di muka bumi ini, umat Islam tidak diajar untuk memusuhi sesama insan yang lain bahkan diajak oleh Al-Quran untuk mengenali antara satu dengan yang lain. Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذِكْرٍ وَأَنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujurat 49: 13

Terjemahan: Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbilang bangsa dan bersuku-puak supaya kamu saling mengenali antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.

Tidak dinafi pegangan akidah berbeza-beza antara satu kaum dengan yang lain disebabkan adanya banyak agama di muka bumi ini. Namun pada hakikatnya Islam adalah satu-satunya agama yang benar di sisi Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah SWT tidak meredhai agama lain selain agama Islam sebagaimana firman-Nya:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ﴾⁴⁴

Al-'Imran 3: 19

Terjemahan: Sesungguhnya agama (yang benar dan direhui) di sisi Allah ialah agama Islam.

Justeru, Islam adalah agama yang diturunkan Allah SWT untuk sekalian makhluk. Selain menjadi satu agama, Islam juga merupakan satu sistem yang sempurna dan fleksibel bagi setiap manusia untuk menjalani kehidupan di dunia ini. Allah SWT telah mengutus RasulNya untuk menyampaikan dan menyebarluaskan agama Islam sebagai panduan dan tatacara kehidupan manusia dalam memikul sebagai khalifah di muka bumi. Pengutusan rasul ini merupakan satu dakwah ke arah kesejahteraan hidup di dunia mahupun akhirat dengan memberi penerangan tentang hakikat Islam dan ajaran-ajarannya yang direhui oleh Allah SWT.

2.2 AGAMA ISLAM

2.2.1 Definisi Islam

Perkataan Islam diambil dari bahasa Arab yang bermaksud tunduk atau pasrah dari segi bahasa.⁴⁴ Manakala dari segi penggunaan istilah pula, para ilmuan Islam memberi pengertian yang berbeza-beza.

Abdul Karim Zaydan menghuraikan bahawa Islam ialah mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji.⁴⁵

⁴⁴ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Kaherahah: Dar al-Hadis, t.t), 3:663.

⁴⁵ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Dawah* (Beirut: Mu'asisah al-Risalah Nasyirun, 2012), 13.

Islam juga diertikan sebagai satu sistem umum dan undang-undang yang lengkap untuk kehidupan manusia yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada manusia yang mengandungi pahala dan dosa.⁴⁶

Sebahagian para ilmuan mendefinisikan Islam sebagai satu agama yang terkandung di dalamnya peraturan-peraturan kehidupan manusia sama ada rohani dan jasmani mahupun dunia dan akhirat yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada utusannya Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada sekalian umat manusia.⁴⁷

Perbezaan definisi Islam ini pada hakikatnya adalah sama iaitu agama Allah SWT yang diturunkan kepada umat manusia dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW yang mencakupi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Adapun kepelbagaiannya pengertian ini boleh dijadikan satu alternatif bagi seorang pendakwah untuk menerangkan pengertian Islam bersetujuan dengan keadaan orang yang didakwah mengikut tahap kefahaman mereka.⁴⁸

2.2.2 Asas Islam

Rukun Islam dan rukun Iman merupakan asas dalam agama Islam. Rukun Islam ada 5 perkara yang bersifat perbuatan iaitu ibadah manakala rukun iman yang berkaitan dengan kepercayaan ada 6 perkara. Nabi SAW menjelaskan perkara ini ketika ditanyakan oleh Jibril AS sepetimana diriwayatkan oleh sebuah hadis:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بِيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدٌ سُوَادُ الشَّعْرِ لَا يُرَى

⁴⁶ *Ibid.*, 14.

⁴⁷ Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia*, ed. Ke-2, (Negeri Sembilan: Universiti Sain Islam Malaysia, 2012), 13.

⁴⁸ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Dawah*, 17.

عليه أثر السفر ولا يعرفه من أحد حتى جلس إلى النبي صلى الله عليه وسلم فأسند ركبته إلى ركبته ووضع كفيه على فخذيه وقال: يا محمد أخبرني عن الإسلام. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله صلى الله عليه وسلم وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحجج البيت إن استطاع إليه سبيلا. قال: صدقت. قال: فعجبنا له يسأله ويصدقه. قال: فأخبرني عن الإيمان. قال: أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسوله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره. قال: صدقت. قال: فأخبرني عن الإحسان. قال: أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم يكن تراه فإنه يراك. قال: فأخبرني عن الساعة. قال: ما المسئول عنها بأعلم من السائل. قال: فأخبرني عن أمارتها. قال: أن تلد الأمة ريتها وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان. قال: ثم انطلق فلبث ملائكة. ثم قال لي: يا عمر أتدري من السائل؟ قلت: الله ورسوله أعلم. قال: فإنه جبريل أتاكم يعلّمكم دينكم.

Terjemahan: Daripada ‘Umar R.A, katanya: Pada suatu hari sedang kami duduk di sisi Rasul Allah S.A.W, tiba-tiba datang kepada kami seorang lelaki yang sangat putih pakaianya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan atasnya tanda-tanda orang yang sedang dalam perjalanan dan tidak seorang pun daripada kami yang mengenalinya sehingga ia duduk berdekatan dengan Nabi S.A.W lalu ia menyandarkan kedua lututnya kepada dua lutut Nabi SAW dan meletakkan kedua telapak tangannya ke atas dua paha Nabi S.A.W. Kemudian ia berkata: Wahai Muhammad, khabarkanlah kepadaku tentang

Islam. Maka Rasul Allah S.A.W menjawab: Islam itu ialah bahawa engkau bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad itu Pesuruh Allah, dan engkau mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji di Baitullah jika engkau berkemampuan melaksanakannya. Ia berkata: Benarlah engkau. Maka kami pun tercengang kerana dia yang bertanya dan dia pula yang membenarkannya. Katanya lagi: Maka khabarkan kepadaku tentang Iman. Rasul Allah S.A.W menjawab: Iman itu ialah bahawa engkau beriman kepada Allah, malaikatNya, segala kitabNya, para RasulNya dan hari akhirat serta engkau beriman kepada taqdir yang baik dan buruk daripadaNya. Dia berkata: Benarlah engkau. Kemudian dia bertanya lagi: Maka sekarang khabarkanlah kepadaku perihal Ihsan. Rasul Allah S.A.W menjawab: Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya tetapi jika engkau tidak melihatNya maka sesungguhnya Dia melihat engkau. Lalu ia berkata: Maka khabarkan kepadaku perihal tanda-tanda hari kiamat. Rasul Allah S.A.W menjawab: Tanda-tandanya itu ialah bila hamba-hamba perempuan telah melahirkan tuannya dan emgkau melihat orang-orang yang tidak berkasut, tidak berpakaian, orang yang miskin, pengembala kambing berbangga-bangga dan berlumba-lumba dalam perkara meninggikan binaan. Kemudian dia (orang yang bertanya itu) pergi, lalu aku ('Umar) terdiam beberapa ketika. Setelah itu Rasul Allah

S.A.W bertanya kepada ku: Hai ‘Umar, adakah engkau tahu siapa orang yang bertanyakan itu? Aku menjawab: Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Rasul Allah S.A.W berkata: Sesungguhnya itulah dia Jibril A.S yang datang kepada kepada kamu untuk mengajarkan agama kamu.⁴⁹

Berdasarkan hadis ini rukun Islam yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW ada 5 perkara iaitu:

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Mendirikan solat
3. Mengeluarkan zakat
4. Berpuasa di bulan Ramadhan
5. Mengerjakan fardhu haji bagi yang berkemampuan.

Manakala rukun Iman pula ada 6 perkara iaitu:

1. Beriman kepada Allah
2. Beriman kepada malaikat-malaikat Allah
3. Beriman kepada segala kitab-kitab Allah
4. Beriman kepada para Rasul-Rasul Allah
5. Beriman kepada hari akhirat
6. Beriman kepada taqdir yang baik dan buruk datang dari Allah SWT.

Perkara yang dijawab oleh Nabi Muhammad SAW ini diakui kebenarannya oleh Jibril AS setiap kali baginda menjawab persoalan yang diajukan. Adapun persoalan yang ditanyakan oleh Jibril AS kepada Rasulullah SAW ini merupakan satu persoalan tentang satu hakikat iaitu agama. Hal ini dapat difahami pada akhir hadis

⁴⁹ Hadis riwayat Imam Muslim, kitab al-*Iman*, *Bab Bayān al-Imān wa al-Islām wa al-Ihsān wa Wujūb al-Imān bi Ithbat Qadar Allah wa Tāla wa Bayan al-Dalīl ‘ala al-Tabarry Mimman La yūmin bi al-Qadar wa Ighlat al-Qawl fi Haqqih, no Hadith 1.*

bahawa Rasulullah SAW menerangkan kepada ‘Umar RA bahawa orang bertanya itu adalah Jibril AS yang mengajar agama (agama Islam).⁵⁰

Oleh yang demikian, Islam bukanlah agama yang dicipta mahupun ideologi yang tercetus dari pemikiran manusia sepetimana lahirnya agama Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Konfusius dan sebagainya akan tetapi ia adalah agama yang datang dari Allah SWT Tuhan Semesta Alam. Bukti ini dapat dilihat dengan penurunan Al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW sebagai panduan agama Islam. Allah SWT telah berfirman:

شَرِيكُ الْكِتَابِ لَا رَبَّ فِيهِ مِنْ رَبٍّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

Al-Sajadah 32: 2

Terjemahan: Turunnya Al-Quran ini dengan tidak ada keraguan padanya,(adalah) dari Tuhan semesta alam.

Adapun hadis Rasul SAW juga merupakan wahyu ataupun ilham dari Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Najm:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوحِي ﴿٣﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوحِي ﴿٤﴾

Al-Najm 53: 3-4

Terjemahan: Dan tidaklah apa yang dikatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) itu menurut kemahuan hawa nafsunya. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

⁵⁰ “Rukun-Rukun Agama (Iman, Islam dan Ihsan)”, laman sesawang Islam GRID2.0, dikemaskini 21 September 2012, dicapai 17 Februari 2013, <http://www.islamgrid.gov.my/hadith/detailed.php?id=5>.

Berdasar dua dalil di atas ini, agama Islam dan ajaran-ajarannya yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW merupakan agama yang datang dari Allah SWT itu Tuhan Semesta Alam. Begitu juga dengan segala perkara yang diungkapkan oleh Nabi Muhammad SAW yang berkaitan dengan ajaran-ajaran Islam adalah satu ilham yang diberikan oleh Allah SWT kepada baginda dan bukanlah sesuatu percakapan yang kosong atau sia-sia.

2.2.3 Ciri-Ciri Islam

Jika ditinjau dari sudut sejarah, agama Islam merupakan satu-satunya agama yang berdiri tegak atas kebenaran hingga ke hari ini walaupun bermacam-macam serangan berbentuk pemikiran yang dibuat oleh agama lain. Lebih dari itu, Islam juga merupakan agama yang cepat berkembang dari segi jumlah pemeluk barunya sama ada melalui dakwah yang dibuat oleh orang Islam atau pun kesediaan manusia untuk kembali (*revert*) ke agama fitrah iaitu Islam.⁵¹ Hal ini setentunya disebabkan ciri-ciri yang ada pada agama Islam itu sendiri. Antara ciri-ciri ini ialah:

i) *Syumūl*

Syumūl membawa erti sempurna atau komprehensif. Ini merupakan ciri utama bagi agama Islam kerana agama ini datangnya dari Allah SWT yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW. Sumber sistem ajaran Islam ini yang tertulis dalam al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas menjadi bukti kesempurnaan agama Islam. Kesempurnaan agama Islam ini meliputi aspek aqidah, ibadat, akhlak, muamalat, ajaran dan hukum perundangan Islam yang menjadi satu garis paduan cara hidup manusia di muka bumi ini.⁵²

ii) ‘*Ubudiyah*

Ciri ‘*ubudiyah* bermaksudkan patuh atau sifat-sifat kehambaan. Islam bukanlah agama yang berhenti diperengkat pembelajaran ilmu sahaja bahkan ia adalah sesuatu

⁵¹ Ghazali Basri, *Dinamika Tasawur Islam*, 150.

⁵² *Ibid.*, 160.

yang perlu dizahirkan oleh pemeluknya dengan melakukan segala suruhan Tuhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.⁵³ Manusia ini diciptakan Allah tidak lain selain menyembah-Nya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ﴾⁵⁶

Al-Dzariyat 51:56

Terjemahan: Dan tidaklah Aku (Allah) menciptakan jin dan manusia melainkan menyembah-Ku.

iii) *Wasatiyyah*

Wasatiyyah membawa maksud pendekatan jalan tengah atau sederhana. Islam merupakan agama yang mengajak umatnya untuk bersederhana iaitu tidak terlalu sempit atau tidak terlalu terbuka dalam sesuatu perkara.⁵⁴ Hal ini sejajar dengan al-Quran yang menjadikan umat Islam sebagai umat yang sederhana dalam firman-Nya:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا﴾¹³

Al-Baqarah 2: 143

Terjemahan: Dan demikian Kami menjadikan kamu (Umat Islam) umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas perbuatan kamu.

⁵³Ibid., 158.

⁵⁴Ibid., 155.

iv) *Thabat*

Istilah *al-Thaba* membawa makna tetap iaitu tidak berubah. Ciri ini merujuk kepada hukum yang berkaitan dengan aqidah dan ibadat. Sebagai contoh dalam hal aqidah, Islam hanya menyembah kepada tuhan yang satu iaitu Allah sejak dulu lagi dan tidak berubah kepada tuhan yang lain. Berbeza dari agama Kristian misalnya dalam menghadapi isu aqidah mereka menghadapi bermacam-macam pendapat dan akhirnya membawa kepada banyak perubahan tentang ketuhanan.⁵⁵

v) *Taghayyur*

Maksud ciri *Taghayyur* ialah berubah-ubah iaitu lawan kepada ciri *Thabat*. Ciri *Taghayyur* ini menyangkut soal prinsip dan hukum dalam Islam. Contoh yang mudah difahami dalam peribadatan ialah nikah yang dihukumkan sebagai sunat pada asalnya, ia boleh berubah kepada wajib ataupun haram mengikut keadaan dan situasi tertentu. Oleh itu, ciri *taghayyur* ini merupakan salah satu rahmat bagi umat Islam dalam soal hukum-hukum Islam yang berbeza-beza pendapat asalkan tidak bertentangan dengan syariat Islam.⁵⁶

2.2.4 Hukum Islam

Para sarjana sosiologi berpendapat bahawa manusia memiliki watak utama untuk hidup bermasyarakat dan kehidupan sosial merupakan sesuatu yang amat penting. Oleh yang demikian, kehidupan manusia memerlukan sesuatu hukum untuk mengatur di antara anggota-anggotanya. Ini kerana kehidupan bermasyarakat

⁵⁵*Ibid.*, 157.

⁵⁶*Ibid.*, 158.

selalunya menuntut adanya kontrak dan interaksi antara individu yang terkadang menimbulkan perselisihan atau konflik di antara sesama sendiri.⁵⁷

Oleh yang demikian, dari sini diperlukan adanya prinsip-prinsip atau undang-undang yang mampu mengatur perlaksanaan hak setiap individu dalam hubungannya dengan hak-hak orang lain sehingga dapat menghindarkan dan menyelesaikan berbagai permasalahan dan konflik yang terjadi antara mereka jika hak tersebut dipenuhi dengan baik.⁵⁸

Dalam Islam, hukum adalah satu aturan yang ditetapkan oleh Allah SWT sepermata dinyatakan dalam firmanNya:

شَرَعَ لَكُم مِّنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَاللَّذِي أُوحِيَ إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا

﴿13﴾
بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى

Al-Syura 42: 13

Terjemahan: Dia telah mensyariatkan bagi kamu tentang agama sepermata yang telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang yang telah Kami wahyukan kepada Ibrahim, Musa dan Isa.

Hukum Islam pada mulanya mencakupi masalah keagamaan dan sistem hukum namun pada perkembangannya ia terbahagi kepada dua komponen besar iaitu pertama, hukum ibadat yang berkaitan dengan solat, zakat, puasa haji dan segala aspek ibadah keagaaman dan kedua, hukum muamalat yang merangkumi hukum

⁵⁷Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam*, terj. Mufligha Wijayati (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009), 7.

⁵⁸Ibid.

jenayah, hukum perkahwinan dan lain-lain yang berkaitan dengan transaksi atau muamalat.⁵⁹

Dapat disimpulkan melalui pembahagian hukum ini dengan penjelasan bahawa hukum ibadah itu berkaitan dengan hubungan seorang Islam sebagai hamba dengan penciptanya iaitu Allah SWT manakala hukum muamalat berkaitan dengan hubungan seorang Islam dengan individu yang lain iaitu hubungan sesama manusia.

Hukum-hukum yang terkandung dalam Islam merupakan hukum yang digunakan sejak dulu lagi kerana ia bersumberkan dari kalam Allah iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, berdasarkan dua sumber ini, hukum Islam mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri. Antaranya ialah:

- i) Hukum Islam bersifat keagamaan yang menyuburkan keimanan dan akhlak mulia. Ia bukan sahaja bertujuan melindungi hak dan kewajipan bermasyarakat bahkan bertujuan untuk menjadikan hidup beragama, bermoral, adil, tertib dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.⁶⁰
- ii) Hukum Islam tidak selamanya bersifat memaksa. Ini kerana terdapat sebahagian hukum yang bersifat korektif dan persuasif serta memberi kesempatan kepada orang yang membuat salah untuk bertaubat dan mengubah tingkah lakunya setelah menyedari kesalahannya.⁶¹
- iii) Hukum Islam meliputi seluruh jenis perbuatan sama ada perbuatan itu berhubungan dengan tuhan atau sesama manusia. Hukum yang merangkumi segala aspek ini bertujuan untuk mendapat berbagai bentuk kemaslahatan manusia dalam pergaulan hidupnya di dunia.⁶²

⁵⁹ *Ibid*, 19.

⁶⁰ Ahmad Rofiq, *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia*, (Yogyakarta: Gama Media, 2001), 29.

⁶¹ *Ibid*.

⁶² *Ibid*, 29-30.

- iv) Bagi kesalahan-kesalahan berat yang mengganggu ketenteraman masyarakat seperti membunuh, berzina, merompak dan sebagainya, hukum Islam menetapkan hukuman berat dilaksanakan kepada pelakunya. Ini bertujuan untuk memelihara keamanan dan ketertiban serta mewujudkan kehidupan masyarakat yang harmoni.⁶³
- v) Salah satu keistimewaan hukum Islam ialah ia bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta ijтиhad para ulama Islam. Justeru, hukum Islam ini bukanlah sewenang-wenangnya dibuat tanpa ada sebab dan kepentingan untuk kehidupan manusia di dunia.⁶⁴

2.3 NON-MUSLIM

2.3.1 Definisi *Non-Muslim*

Non bererti bukan atau tidak yang berasal dari perkataan bahasa Inggeris⁶⁵ manakala *Muslim* membawa maksud orang yang beragama Islam.⁶⁶ Justeru, *non-Muslim* membawa erti orang yang bukan beragama Islam.

Perkataan *non-Muslim* merupakan satu istilah yang sering digunakan oleh para da'i pada masa kini walaupun umat Islam boleh menggunakan perkataan kafir kepada mereka yang membawa maksud orang yang bukan Islam dan ingkar dengan perintah Allah SWT. Namun perkara ini perlu diambil berat demi menjaga kemaslahatan umat Islam kerana mereka beranggapan perkataan kafir itu membawa maksud orang yang melakukan kemungkaran di muka bumi sedangkan mereka juga membuat kebaikan dan kemajuan kepada masyarakat dan negara.⁶⁷

⁶³ *Ibid*, 29.

⁶⁴ *Ibid*, 24.

⁶⁵ *Kamus Dewan Inggeris-Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, c. ke-2, 1999), 1031.

⁶⁶ *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ed. Ke-4, 2007 1059.

⁶⁷ Ahmad Redzuwan *Metodologi Dakwah Kepada Non-Muslim*, 4.

2.3.2 Pembahagian *Non-Muslim*

Dalam perundangan Islam yang guna pakai oleh sebahagian Negara Islam, mereka mengkategorikan *non-Muslim* seperti berikut⁶⁸:

- i) Golongan pertama: Orang bukan Islam yang hidup bersama masyarakat Islam di bawah pemerintahan Islam dan dikenali sebagai *Ahli Dhimmi*.
- ii) Golongan kedua: Mereka yang ditewaskan oleh orang Islam di medan perang. Oleh kerana mereka membayar *jizyah* maka hak-hak mereka dijaga.
- iii) Golongan ketiga: *Non-Muslim* yang bermastautin di bawah Negara Islam dan menjadi warganegara tersebut.
- iv) Golongan keempat: Orang bukan Islam yang datang ke Negara Islam dalam jangka waktu yang singkat atas tujuan tertentu seperti melancong.
- v) Golongan kelima: Mereka yang memilih untuk tinggal dibawah Negara Islam.

2.3.3 Hubungan Islam dengan *Non-Muslim*

Al-Farabi dalam bukunya bertajuk *Ara' Ahlu al-Madinah al-Fadilah* menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk sosial yang berhajat kepada banyak perkara bagi mencapai kesempurnaan hidup. Lebih dari itu, manusia memerlukan perkumpulan dan kelompok manusia yang bantu-menbantu untuk mendapat keperluan kehidupan.⁶⁹

Hal ini telah dijelaskan dalam al-Quran firman Allah SWT:

⁶⁸ Abdur Rahman Idoi, *Non Muslims under Shariah*, 23.

⁶⁹ Al-Farabi, *Ara' Ahlu al-Madinah al-Fadilah* (Beirut: t.p, 1959), 96.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَأَنَّى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلٍ
إِتَّعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujurat 49: 13

Terjemahan: Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu terdiri dari jenis lelaki dan perempuan. Dan Kami telah jadikan kamu berbilang bangsa dan berkelompok agar kamu semua saling kenal-mengenali sesama sendiri. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya.

Berdasarkan ayat ini dapat difahami bahawa manusia diciptakan Allah dimuka bumi ini untuk saling mengenali tanpa mengira bangsa atau kaum. Maka tidak hairanlah salah satu naluri manusia sebagai makhluk sosial adalah kecenderungan untuk hidup berkelompok atau bermasyarakat. Oleh yang demikian, dalam perhubungan sosial ini komunikasi adalah satu faktor yang penting bagi perkembangan manusia.⁷⁰

Interaksi sosial ini tidak terbatas kepada hubungan antara seorang Islam dengan saudaranya bahkan lebih dari itu masyarakat Islam tidak terlepas untuk berkomunikasi dan berhubungan dengan masyarakat *non-Muslim*.

Dalam Islam, terdapat dua pendapat tentang hubungan antara Islam dan *non-Muslim*. Pendapat pertama menyatakan hubungan yang terjalin antara Islam dan *non-Muslim* adalah hubungan jihad iaitu harus diperangi.⁷¹ Perkara ini berdasarkan ayat

⁷⁰ Prof. H.M Arifin, *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi* (Jakarta: PT Bumi Aksara, 2004), 68.

⁷¹ Alias Othman & Dr. Anisah, *Islam Yang Mudah* (Selangor: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, 2008), 76.

al-Quran yang memerintahkan umat Islam untuk memerangi orang bukan Islam secara mutlak. Firman Allah SWT:

﴿ وَقَاتِلُواٰ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ سَمِيعٌ عَلٰيْمٌ ﴾ 244

Al-Baqarah 2: 244

Terjemahan: Dan berperanglah kamu sekalian di jalan Allah dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Ada pun pendapat kedua pula menyatakan bahawa hubungan antara Islam dan bukan Islam haruslah hubungan yang damai.⁷² Pendapat ini berdasarkan ayat al-Quran dalam firmanNya:

لَا يَنْهَاكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُعَالِجُوكُمْ فِي الدِّينِ وَمَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ
أَن تَبَرُّوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿ 8 ﴾

Al-Mumtahanah 60: 8

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari negeri mu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang yang berlaku adil.

Berdasarkan pendapat kedua ini, perang ke atas *non-Muslim* dilakukan dalam 3 hal⁷³ iaitu:

⁷² *Ibid.*, 79.

⁷³ *Ibid.*, 96-97.

- i) Apabila berlaku serangan ke atas para pendakwah atau berlaku fitnah ke atas agama mahu pun berlaku serangan perang ke atas umat Islam. Allah SWT telah berfirman:

أُذِنَ لِلّٰهِدِينَ يُعَاتِلُونَ بِاَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللّٰهَ عَلٰى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللّٰهُ وَلَوْلَا دَفْعُ

اللّٰهِ النَّاسَ بَعْضُهُمْ يَعْضُضُ هُدْدَمْ صَوَامِعَ وَبَيْعَ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ

يُذْكُرُ فِيهَا اسْمُ اللّٰهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللّٰهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللّٰهَ لَغَوِيٌّ عَزِيزٌ

﴿٤٠﴾

Al-Haj 22: 39-40

Terjemahan: Diizinkan berperang kepada mereka yang diperangi kerana dizalimi. Dan sesungguhnya Allah benar-benar Maha berkuasa menolong mereka; Iaitu orang-oranga yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar kecuali mereka berkata ‘Tuhan kami hanyalah Allah’. Dan kalaualah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam) dan sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

- ii) Peperangan dilakukan dengan tujuan untuk memberi pertolongan kepada saudara Islam yang telah dizalimi oleh musuh sama ada secara individu atau berkumpulan. Firman Allah SWT:

وَمَا لَكُمْ لَا تُعَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ

وَالْوَلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمُ أَهْلُهَا

﴿ وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَلْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ نَصِيرًا ﴾ 75

Al-Nisa 4: 75

Terjemahan: Dan apakah yang menghalang kamu maka kamu tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).

- iii) Peperangan ke atas *non-Muslim* dilaksanakan demi mempertahankan diri dan menentang pencerobohan ke atas negara Islam. Firman Allah SWT:

وَاقْتُلُوهُمْ حِينَ تَقْتُلُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِنْ حِينَ أَخْرِجُوكُمْ ﴿ 191 ﴾

Al-Baqarah 2: 191

Terjemahan: Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapatinya mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu.

Sementara itu, Dr Yusuf Qardhawi menghuraikan hubungan antara Islam dan *non-Muslim* boleh dibahagikan kepada dua bentuk hubungan iaitu hubungan Islam dengan *non-Muslim* di luar negara Islam (majoriti penduduk adalah bukan beragama Islam) dan hubungan Islam dengan *non-Muslim* yang berada dalam negara Islam (majoriti penduduk adalah masyarakat Islam). Hubungan dua bentuk ini haruslah dibina atas asas-asas toleransi yang mantap, adil, baik dan rahmat sesuai dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah.⁷⁴

Masyarakat Islam boleh berbaik-baik dengan golongan *non-Muslim* selagi mereka tidak menghalang umat Islam melaksanakan tuntutan ajarannya, menyerang pendakwah Islam dan menindas penganutnya.⁷⁵

Selain itu juga, masyarakat Islam dilarang untuk bermujadalah atau berdebat dengan *non-Muslim* melainkan dengan cara yang sebaik-baiknya. Lebih dari itu, Yusuf al-Qardhawi menjelaskan golongan *non-Muslim* yang dikategorikan sebagai ahli dhimmah iaitu masyarakat bukan Islam yang bernaung dan berlindung dibawah pemerintahan Islam untuk memegang jawatan khusus dalam mentadbir negara seperti menjawat jawatan menteri atau ahli parlimen. Ini kerana amalan sebegini dipraktikkan sejak zaman pemerintahan Abbasiyah tanpa mendapat tentangan daripada para ulama.⁷⁶

Justeru, melalui perbincangan hubungan antara Islam dan *non-Muslim* ini, dapatlah dijelaskan bahawa hubungan yang dijalankan hendaklah dalam keadaan yang harmoni walaupun mereka tidak menerima Islam sebagai pegangan mereka. Apabila hubungan antara golongan Islam dan *non-Muslim* terjalin dengan baik, maka dengan

⁷⁴ Yusuf al-Qardhawi, *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami* (Kaherah: Maktabah Wabbah, 1977), 5.

⁷⁵ *Ibid.*, 10.

⁷⁶ Yusuf al-Qardhawi, *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1977), 195.

demikian dakwah Islam akan mudah disebarluaskan walaupun ia mengambil masa yang lama.

2.4 PERSEPSI

2.4.1 Definisi Persepsi

Mengikut Kamus Dewan, persepsi memberi pengertian bayangan atau gambaran tentang sesuatu dalam akal fikiran yang melibat pancaindera.⁷⁷ Menurut Ensiklopedia Malaysiana pula, persepsi ialah sesuatu terjemahan kepada sesuatu sensasi.⁷⁸

Ada pun maksud yang lebih terperinci ialah persepsi mempunyai kaitan dengan deria manusia. Kederiaan yang didaftar dan diproses oleh otak manusia mempunyai sedikit makna jika ia wujud bersendirian. Seterusnya manusia akan memilih sebahagian rangsangannya yang akan memberi makna pada dirinya. Ia dilakukan dengan cara memberi perhatian kewujudan sesuatu entiti di sekelilingnya.⁷⁹ Stephen P. Robbins menjelaskan bahawa persepsi ialah satu proses di mana seseorang merancang dan mentafsirkan deria-deria supaya bermakna kepada persekitarannya. Walaubagaimanapun tanggapan ini mungkin berbeza dari keadaan hal yang sebenar.⁸⁰

Berdasarkan definisi dan penerangan tentang proses persepsi ini, dapat disimpulkan bahawa persepsi ialah satu pandangan atau tanggapan yang didapati oleh pancaindera tentang sesuatu perkara yang berada di sekeliling manusia. Namun tanggapan ini tidak semestinya tepat dengan realiti keadaan atau kejadian.

⁷⁷Kamus Dewan, 1193.

⁷⁸Hj Hassan Hj Hamzah, *Ensiklopedia Malaysiana* (Kuala Lumpur: Anzagain Sd.Bhd, 1995), 291.

⁷⁹Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 82.

⁸⁰Robbins Stephens, *Gelagat Organisasi*, terj. Abd Razak Ismail dan Ainin Sulaiman (Selangor: Prentice Hall, t.t), 64.

Dari sudut proses timbulnya sesuatu persepsi pula, Louis P.Pojman menerangkan bahawa persepsi adalah proses berlaku dalam dunia luar yang mempengaruhi deria rasa seseorang individu yang memberikan pandangan dan menyampaikannya dalam bentuk pesanan kepada otak dan seterusnya mentransformasikannya sebagai suatu aktiviti mental.⁸¹

Menurut John Locke pula, persepsi adalah ‘fakulti pertama’ dalam minda seseorang yang berperanan mencerna idea. Ia juga merupakan idea yang mudah dan hasil refleksi dalam membentuk pemikiran serta langkah pertama untuk mendapatkan pengetahuan.⁸²

Sementara itu juga, Asmah Hj Omar menjelaskan bahawa persepsi boleh dicerminkan atau dipengaruhi oleh berbagai media seperti bahasa, kebudayaan, agama dan sebagainya. Dengan demikian penelitian terhadap segolongan manusia tertentu melalui salah satu media yang disebutkan berkait rapat dengan proses pemikiran mereka.⁸³

2.4.2 Persepsi Non-Muslim Terhadap Islam

Walaupun terdapat hubungan yang terjalin diantara dunia Islam dan dunia Barat sejak berkurun lamanya tetapi hubungan ini sering dikaitkan dengan pertelingkahan dan peperangan.⁸⁴ Dalam perkembangan era globalisasi ini, Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran dan serangan dari pihak-pihak yang memusuhi Islam. Antara usaha yang sering dilakukan oleh mereka ialah memberi gambaran yang buruk terhadap apa yang dibawa oleh agama Islam di muka bumi ini. Umat Islam tidak dapat lari dari menghadapi cabaran-cabaran ini, bahkan umat Islam harus

⁸¹ Louis P. Pojman, *The Theory of Knowledge Classical and Contemporary Readings* (Belmont: Thomas Learning, 2003), 73.

⁸² John Locke, *An Essays Concerning Human Understanding*, ed. Alexander C. Fraser (New York: Dover Publications, 1959), 183 & 191.

⁸³ Asmah Omar, *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 2.

⁸⁴ John L. Esposito, *Ancaman Islam*, 10.

bangkit dan berani untuk mengatasinya. Antara persepsi *non-Muslim* terhadap Islam pada masa kini ialah:

i) Islam Agama Pengganas (Terorisme)

Islam kini berdepan dengan isu yang sangat mencabar apabila Islam dikatakan sebagai agama pengganas atau teroris. Label teroris ini telah tersebar luas apabila bangunan Pusat Perdagangan Dunia (*World Trade Centre*) di Amerika Syarikat telah dihempas oleh 2 buah kapal terbang. Pelbagai dakwaan dari pihak *non-Muslim* terutama sekali Amerika Syarikat dengan mengatakan bahawa kejadian ini dilakukan oleh sekumpulan pengganas Muslim. Kejadian yang berlaku pada 11 September 2001 ini menggegarkan dunia kerana ia merupakan satu peristiwa yang menggerunkan dalam sejarah alaf baru ini lebih-lebih lagi bagi negara-negara Barat.⁸⁵

Bertitik tolak dari sini, agama Islam dianggap sebagai agama pengganas manakala masyarakat Islam ditindas oleh orang bukan Islam kerana mereka beranggapan Islam membenci mereka. Antara hujah yang mereka kemukakan ialah dengan mengatakan Islam adalah agama yang suka peperangan dan menyokong keganasan dengan melihat sejarah peperangan yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW pada zaman dahulu. Mereka juga mengatakan bahawa terdapat banyak ayat al-Quran⁸⁶ dan hadis Nabi SAW⁸⁷ yang menganjurkan orang Islam untuk memerangi dan melakukan pembunuhan ke atas golongan tertentu.⁸⁸

⁸⁵ M.H.M Sarkar, “Terrorism, Education & Islam”, *The Muslim World League Journal* (t.p, March 2002), 30: 34; Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa’ari, “Persepsi Para Pelajar Bukan Islam Di Victoria University Of Wellington, New Zealand Terhadap Islam Dan Cadangan Metodologi Dakwah Di Malaysia”, dalam Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (et. al), *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008), 103; Hashim Makaruddin, *Terrorism And The Real Issues*, (Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, 2003), 60.

⁸⁶ Mereka salah dalam memahami ayat-ayat Al-Quran yang memerintah orang Islam untuk membunuh orang bukan Islam seperti dalam Surah Al-Nisa (4): 89, Surah Al-Anfal (8): 39 dan Surah Muhammad (47): 4.

Isu teroris yang dikaitkan dengan Islam juga dikukuhkan lagi dengan banyaknya kejadian pengebom berani mati (*Suicide Bomber*) dan isu keganasan di seluruh dunia seperti yang dicatatkan oleh Amerika Syarikat.⁸⁹ Apa yang memburukkan lagi ialah apabila peristiwa yang disebut sebagai 9/11 ini dijadikan alasan sebagai pembuka jalan oleh *non-Muslim* terutama sekali Amerika Syarikat untuk memerangi umat Islam di Afghanistan dan Iraq.⁹⁰ Mereka juga memberi ruang kepada bangsa Yahudi untuk mengembangkan lagi kuasa mereka di Palestin dengan menindas umat Islam yang tinggal di sana.⁹¹

Selain itu, selama 14 abad berlakunya peperangan pemikiran atau senjata diantara pihak Islam dan barat, Islam dan umatnya digambarkan sebagai penyebab utama tentang konflik tersebut. Umat Islam dipersalahkan dan dipertanggungjawabkan atas segala serangan yang berlaku. Berbeza di dimensi Barat, mereka pula digambarkan sebagai mempertahankan diri, melancarkan serangan balas, penaklukan semula dan sebagainya.⁹²

Persepsi yang tidak baik ini setentunya lahir dari tanggapan yang salah dari *non-Muslim* terhadap Islam tanpa ada pemahaman yang betul dan mendalam tentang Islam. Tidak dinafikan juga bahawa salah faham ini berpunca dari umat Islam sendiri yang tidak memahami ajaran Islam dengan betul. Apa yang menjadi masalah ialah agama Islam yang dijadikan mangsa keadaan dan dipersalahkan.

⁸⁷ Terdapat hadis yang menggalakkan peperangan ke atas golongan bukan Islam seperti hadis Nabi SAW diarah memerangi orang bukan Islam sehingga masuk Islam dan juga hadis yang menyuruh orang Islam untuk memerangi orang Yahudi secukup-cukupnya.

⁸⁸ Abd Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya, 2012), 264.

⁸⁹ Qader Muheideen, *Transforming Terrorism With Muslims' Nonviolent Alternatives?* dalam Abdul Aziz Said et. al, *Contemporary Islam: Dynamic not Static* (Great Britain: Routledge Taylor & Francis Group, 2006), 190.

⁹⁰*Ibid.*, 191.

⁹¹ Mohd Roslan Mohd Nor, *Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden*, *Jurnal al-Tamaddun* 6, (2011), 108.

⁹² John L. Esposito, *Ancaman Islam*, 318.

Justeru, kefahaman yang sebenar bahawa Islam juga memerangi isu keganasan hendaklah dijelaskan kepada *non-Muslim* agar pandangan yang tidak baik terhadap Islam ini tidak terserap dihati dan pemikiran mereka yang boleh menjelaskan perjalanan dakwah Islam secara global.⁹³

ii) Islam Menindas Wanita

Kehadiran Islam merupakan satu nikmat yang besar di muka bumi ini kerana ia menolak segala tatacara kehidupan jahiliah dan membawa ke arah kehidupan yang lebih harmoni antara sesama manusia. Kedudukan wanita yang dipandang hina pada zaman jahilliah dapat disingkirkan oleh ajaran Islam bahkan Islam mengangkat darjah kaum wanita di sisi Islam.

Namun hakikat hari ini, ramai *non-Muslim* beranggapan bahawa Islam tidak berlaku adil antara lelaki dan perempuan. Lebih dari itu, mereka menganggap Islam tidak memberi kebebasan kepada wanita dan mengongkong mereka dari melakukan aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan.⁹⁴

Selain itu juga, ditengah-tengah pergolakan di Timur Tengah terdapat sebilangan ekstrimis mendakwa bahawa Islam adalah musuh wanita dan menjatuhkan taraf dan kehormatan wanita. Selain itu juga, terdapat tuduhan bahawa Islam menganggap wanita sebagai alat untuk memenuhi nafsu lelaki dan untuk melahirkan keturunan sahaja. Pendek kata, taraf wanita tidak lebih dari taraf hamba kepada lelaki di mana lelaki menguasai dan mengatasi wanita dalam segala hal.⁹⁵

Satu kajian telah dibuat berkaitan dengan persepsi *non-Muslim* terhadap perkara ini.⁹⁶ Mereka berpendapat bahawa Islam menindas wanita dan meletakkan

⁹³ Fikri Mahmud, *Pandangan Islam Terhadap Keganasan: Analisis Konsep Jihad Dalam Al-Quran Dan Al-Sunnah Serta Gerakan Islam* (Disertasi Ijazah Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 417.

⁹⁴ Mohd Roslan Mohd Nor, *Menangani Cabaran*, 111.

⁹⁵ Muhammad Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bharu: Dian DarulNaim Sdn. Bhd., 1994), 140.

⁹⁶ Kajian dibuat oleh Prof. Dr. Joni Tamkin Borhan dan Prof. Madya Che Zarrina Sa’ari dari Universiti Malaya.

martabat wanita dikelas kedua dalam masyarakat. Ketidakadilan Islam di sesetengah negara Islam dari sudut pemberian hak antara lelaki dan wanita seperti hak harta warisan, hak berpakaian, hak dalam berpolitik dan sebagainya juga mempengaruhi pemikiran negatif kepada *non-Muslim*.⁹⁷

Lebih menyedihkan lagi apabila negara-negara barat mula mengharamkan pemakaian hijab bagi wanita Islam di negara mereka.⁹⁸ Negara perancis merupakan negara pertama yang membuat undang-undang berkaitan dengan pengharaman hijab ke atas wanita Islam dengan alasan ia merupakan satu simbol kehinaan dan kehambaan.⁹⁹

Sudah setentunya kefahaman yang salah dari *non-Muslim* ini memburukkan lagi imej Islam yang sebenar. Jika dilihat sejarah Islam, kedatangan Islam telah menyelamatkan wanita dari ditindas oleh kaum lelaki semasa zaman jahiliyah. Perhatian terhadap wanita juga diberikan oleh Islam ketika agama ini semakin berkembang dengan menglibatkan diri mereka dalam peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam seperti misi-misi peperangan¹⁰⁰, peristiwa hijrah, pengiktirafan dalam meriwayatkan sesuatu hadis dan sebagainya. Justeru, kefahaman yang sahih dan jelas tentang hak-hak wanita dalam Islam hendaklah diterapkan ke dalam pemikiran *non-Muslim* agar masyarakat Islam yang tinggal di negara-negara *non-Muslim* tidak ditindas oleh mereka.

iii) Islam Untuk Bangsa Melayu

Di alam Tanah Melayu pula, Islam disalah ertikan oleh segelintir masyarakat *non-Muslim* sebagai satu agama yang khusus untuk bangsa Melayu sahaja. Hal ini disebabkan budaya Islam yang sesuai dengan adat orang melayu. Selain itu, jika

⁹⁷ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa’ari, *Persepsi Para Pelajar Bukan Islam*, 100.

⁹⁸ BBC, <http://www.bbc.co.uk/news/world-europe-13038095>, 24 Mei 2012.

⁹⁹ Prospect, <http://www.prospectmagazine.co.uk/magazine/why-france-is-banning-the-veil/>, 24 Mei 2012.

¹⁰⁰ Abd Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah*, 305.

terdapat masyarakat *non-Muslim* yang memeluk agama Islam, kebiasaanya mereka terpaksa mengikuti adat yang kebiasaannya dilakukan oleh orang Melayu seperti memakai baju Melayu bagi lelaki dan baju kurung bagi wanita.¹⁰¹ Ini menambahkan lagi persepsi yang salah tentang Islam dalam kalangan masyarakat *non-Muslim* khususnya di Tanah Melayu.

Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah menyatakan bahawa masyarakat Cina menjadi keliru apabila agama Islam disamakan dengan bangsa Melayu. Apabila persepsi ini telah bertapak dalam sanubari masyarakat Cina akhirnya sesuatu perkara yang baik dalam Islam yang sepatutnya mudah untuk disampaikan kepada mereka akan menjadi perkara yang sukar dan tidak kesampaian.¹⁰²

iv) Islam Tidak Sesuai Dengan Dunia Moden

Antara pandangan yang popular dalam kalangan masyarakat *non-Muslim* ialah agama Islam tidak relevan dan tidak mampu untuk mencipta sesuatu kemodenan atau mengejar arus kemajuan.¹⁰³ Menurut Ghazali golongan *non-Muslim* tidak berminat dengan Islam kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah satu agama kuno yang menyekat kemajuan dan perkembangan.¹⁰⁴

Selain itu juga, orang Islam yang seringkali menekankan agar umat Islam kembali sepertimana zaman Rasullah SAW menjadikan sebahagian *non-Muslim* berfikiran negatif tentang perkara ini yang menimbulkan bahawa agama Islam tidak menginginkan sesuatu kemajuan.¹⁰⁵

¹⁰¹ Zaini Hamzah, *Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia* (Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur: Pusat Islam Kuala Lumpur, Ogos 1988), 1.

¹⁰² Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah, *Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari*, *Jurnal Hadhari* 1, (2009), 82.

¹⁰³ Roziah Sidik, *Pengajian Islam* (Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd, ed-2, 2011), 317.

¹⁰⁴ Ghazali Darulsalam, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat: Ancaman Postmodernisme Terhadap Umat Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors Sdn Bhd, 1998), 9.

¹⁰⁵ Zaini Hamzah, *Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia*, 2-3.

Lebih dari itu, dari segi gaya dan pemikiran, umat Islam digambarkan memakai baju ‘tradisional’, berjanggut dan berserban walaupun pada hakikatnya kebanyakan orang Islam tidak berpakaian semedikian. Gambaran seperti ini menjadikan Islam sebagai masyarakat yang ketinggalan zaman.¹⁰⁶

v) Peraturan Islam Banyak Dan Kejam

Tidak dapat dinafikan bahawa Islam dikaitkan dengan peraturan yang banyak oleh masyarakat *non-Muslim*. Tanggapan sebegini timbul kerana kewujudan peraturan yang terkandung dalam ajaran Islam menyekat dan membataskan kehidupan umatnya seperti hukum halal dan haram sari sudut makanan, minuman, perbuatan dan pakaian. Justeru, bagi mereka peraturan sebegini amat sukar untuk dilakukan dan dipatuhi.¹⁰⁷

Selain itu juga, hukuman yang dijalankan oleh masyarakat Islam dilihat sebagai kejam dan keras tanpa ada sebarang belas kasihan.¹⁰⁸ Hukuman yang sering disalahfahamkan oleh masyarakat *non-Muslim* ialah hukum mati bagi orang melakukan zina dan potong tangan bagi orang yang mencuri. Persepsi ini timbul disebabkan mereka melihat hukuman yang dilaksanakan oleh Islam dari sudut luaran sahaja tanpa mendalami sebab perlaksanaan sesuatu hukuman itu.¹⁰⁹

2.4.3 Persepsi *Non-Muslim* Terhadap Masyarakat Islam

Salah satu naluri manusia sebagai makhluk sosial ialah kecenderungan untuk hidup berkelompok atau bermasyarakat. Ketika manusia berinteraksi sesama sendiri, akan terdapat tindakan saling pengaruh mempengaruhi antara satu individu dengan

¹⁰⁶ John L.Esposito, *Ancaman Islam*, 320.

¹⁰⁷ Ismail Ibrahim, *Imej Islam: Tanggapan Negatif dan Penyelesaiannya*, *Jurnal Usuluddin*, 1 (Oktober 1993), 1.

¹⁰⁸ Yunus Abdullah Ma Zheng Bin, *Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu Terhadap Islam*, 97.

¹⁰⁹*Ibid.*

individu lainnya sehingga timbul kemungkinan-kemungkinan untuk saling mengubah atau memperbaiki perilaku dan persepsi masing-masing.¹¹⁰

Tidak dapat disangkal bahawa agama Islam semakin berkembang diseluruh dunia. Seiring dengan perkembangan ini, masyarakat Islam hidup berkelompok dengan masyarakat *non-Muslim*. Namun, dalam hidup bermasyarakat ini, masyarakat Islam tidak dapat lari dari persepsi yang kurang baik dari kalangan *non-Muslim*. Antara persepsi tersebut adalah:

i) Masyarakat Islam Berpecah Belah

Realiti hari ini, dunia sejagat sedang melihat pergolakan yang terjadi dalam kalangan umat Islam sehingga dikatakan agama Islam tiada kesatuan dalam pemikiran *non-Muslim*. Umat Islam sentiasa berpecah-belah dan saling memusuhi sesama sendiri.¹¹¹

Sebagai contoh kekeliruan masyarakat dunia terhadap Islam dapat dilihat apabila dua kerajaan Islam iaitu Iraq dan Kuwait memerangi antara satu dengan yang lain sehingga tercetusnya Perang Teluk pada 1991. Natijahnya perang ini memecah belahan dunia Arab dan dunia Islam sehingga konflik ini menambahkan lagi tanggapan dunia Barat terhadap umat Islam sebagai umat yang lumpuh (*paralysed*). Sudah tentunya perkara ini memalukan agama Islam secara global atas ketiadaan perpaduan yang kukuh dah masyarakat Islam terutama bangsa Arab sehingga kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Perancis, Britain dan Rusia memandang rendah ke atas negara Islam.¹¹²

Lebih menyedihkan lagi apabila umat Islam telah dicatatkan sebagai masyarakat yang paling banyak melarikan diri dari tempat asal mereka ke tempat yang lain sehingga dikatakan sebagai umat ‘Pelarian’ (*refugees*) yang rata-ratanya berjumlah tidak kurang 10 juta orang di dunia. Tidak lain masalah ini timbul dari

¹¹⁰ Prof. H.M Arifin, *Psikologi Dakwah*, 68-69.

¹¹¹ Muhd Nur Manutu, *Permasalahan Imej Islam Di Dunia Modern* (Seminar Kefahaman Orang-Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1993), 2.

¹¹²*Ibid.*, 17.

kemelut dan konflik dalam kalangan masyarakat Islam terutama sekali konflik politik yang berterusan di dunia Islam.

Dalam konteks alam Melayu pula, isu kafir-mengkafir hebat diperdebatkan terutama sekali pada musim pilihan raya. Ada yang menjadikan sebagai satu pendekatan untuk mengalahkan lawannya dalam bersaing dibidang politik. Akhirnya, takfir ini menjadi punca perpecahan dan perbalahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu lebih-lebih lagi masyarakat Muslim.¹¹³

Tidak hairanlah dari perpecahan ini *non-Muslim* khususnya di dunia Barat beranggapan bahawa agama Islam adalah agama yang membawa kepada perpecahan masyarakat dan bangsa. Oleh itu, umat Islam harus bangkit memahamkan *non-Muslim* bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan kepada kesatuan tidak kira di mana mereka berada. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّةٌ مُّتَكَبِّرٌ أُمَّةٌ وَاحِدَةٌ وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾

Al-Anbiya' 21: 92

Terjemahan: Sesungguhnya inilah umat kamu, umat yang bersatu (asas pokoknya) dan Akulah Tuhan kamu maka sembahlah kamu akan Daku.

ii) Masyarakat Islam Dikaitkan Dengan Kemunduran dan Kelemahan

Islam adalah agama yang terkenal dengan tamadun yang mengagumkan sehingga banyak perubahan-perubahan dunia pada masa kini bertitik tolak dari munculnya idea-idea dari tokoh-tokoh Islam yang masyhur. Lebih membanggakan lagi ialah

¹¹³ Ahmad Zaki Hj Abd Latif, *Isu Kafir-Mengkafir Dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik Dan Sosial Masyarakat Melayu*, Jurnal Usuluddin 17, (2003), 15-20.

peradaban Islam pada abad petengahan merupakan abad yang paling gemilang sehingga dikagumi oleh dunia Eropah.¹¹⁴

Walaupun umat Islam dapat berbangga dengan keagungan tamadun Islam yang dihasilkan pada zaman dahulu, tetapi pada era masa kini imej Islam sering dikaitkan dengan kemunduran dan kelemahan. Sebagai contoh kemunduran umat Islam yang menjadikan *non-Muslim* berpersepsi negatif terhadap Islam ialah terdapat beberapa buah negara Islam yang kaya dengan hasil minyak dan sumber tenaga yang lain namun masih dalam keadaan lemah sehingga timbulnya isu kemiskinan di negara Islam. Akibatnya penduduk-penduduk di bawah kerajaan Islam hidup dalam situasi yang menderita.¹¹⁵

Kelemahan umat Islam juga dapat dilihat dari sudut pembelajaran apabila peratus buta huruf masih banyak direkodkan dalam dunia Islam. Telah dianggarkan kira-kira 80% umat Islam masih tidak pandai membaca dan menulis dalam bahasa rasmi mereka. Tidak nafikan terdapat negara-negara Islam dapat mengatasi masalah ini namun peratusan dalam isu ini masih tinggi.¹¹⁶

Dalam satu kajian yang dibuat oleh Dr. Abdullah Muhammad Zin mendapati bahawa *non-Muslim* beranggapan negatif terhadap orang Melayu yang beragama Islam khusus di Malaysia. Meskipun orang-orang Melayu merupakan bangsa yang terbesar di negara ini berbanding bangsa lain khususnya bangsa Cina, tetapi bangsa Melayu senang untuk dipintas oleh mereka dari aspek ekonomi dan pelajaran. Akhirnya, timbul kefahaman bahawa Islam itu agama yang sering dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan.¹¹⁷

¹¹⁴ Diyan Yulianto dan M.S Rohman, *Sumbangan Karya Sains Hebat Islam Abad Pertengahan*, terj. Noraini Abdullah (Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, 2011), 10.

¹¹⁵ Ahmad Zaki Hj Abd Latif, *Isu Kafir-Mengkafir*, 25.

¹¹⁶*Ibid.*, 3.

¹¹⁷ Abdullah Muhammad Zin, *Dakwah Kepada Masyarakat Non-Muslim*, 17-18.

iii) Masyarakat Yang Ekstrimis

Ekstremisme digunakan untuk menggambarkan bahawa masyarakat Islam adalah satu masyarakat yang ekstrimis atau melampau seperti golongan wahabi yang muncul dalam kalangan masyarakat Islam yang boleh mengancam kesejahteraan hubungan antara manusia daripada pelbagai latar belakang agama. Golongan *non-Muslim* mengaitkan sifat ekstremisme dengan Islam apabila wujud sikap anti Barat dalam sebahagian umat Islam yang tidak senang terhadap kehadiran dan campur tangan politik Barat dalam urusan negara Islam terutama sekali di Timur Tengah.¹¹⁸

Dalam sebuah akhbar Itali, Roberto Calderoli menjelaskan bahawa Islam adalah agama yang terlarang kerana Islam menyukai keganasan dan menimbul dalam diri mereka perasaan benci kepada yang lain.¹¹⁹ Satu kajian telah dibuat di Amerika tentang perspsi mereka terhadap masyarakat Islam. Melalui hasil kajian tersebut mendapati kebanyakan responden berfikiran negatif terhadap Islam. Mereka berpendapat seseorang yang kuat berpegang kepada agama Islam adalah kemungkinan seorang ekstrimis dan pelampau yang membenci Barat dan agama lain khususnya Kristian.¹²⁰

iv) Fundamentalisme

Istilah fundamentalisme digunakan oleh sebilangan *non-Muslim* dengan masyarakat Islam untuk menggambarkan bahawa masyarakat Islam ialah masyarakat yang taksub dengan agama sendiri dan tidak serasi dengan era moden. Mereka berpendapat

¹¹⁸ Roziah Sidik, *Pengajaran Islam*, 316.

¹¹⁹ Dr Danial Zainal Abidin, *Islam The Misunderstood Religion* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2012), 3.

¹²⁰ Mohd Nazari Ismail, “*Persepsi Non-Muslim Di Amerika Terhadap Islam: Pengajaran Kepada Masyarakat Islam Di Malaysia*”, dalam Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (et. al), *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008), 86.

bahawa umat Islam adalah masyarakat yang tertutup dan tidak menerima sebarang elemen daripada peradaban lain.¹²¹

Muhammad Qutb menjelaskan bahawa masyarakat Islam disalah ertikan oleh segelintir Barat sebagai batu penghalang kepada kemajuan dan tamadun. Hal ini terjadi kerana agama Islam itu telah diturunkan kepada bangsa Arab yang terdapat sebahagian dari mereka merupakan penghuni padang pasir, berbudi bahasa yang kasar dan berhati kejam.¹²²

Oleh yang demikian, gambaran orang Arab yang tinggal di padang pasir ini menimbulkan persepsi yang salah tentang masyarakat Islam yang dikatakan menolak kemajuan. Namun pada hakikatnya Islam tidak melarang umatnya untuk mengikuti perkembangan kemajuan dan tamadun asalkan ia mendatangkan kebajikan kepada manusia.¹²³

2.5 KESIMPULAN

Kebenaran agama Islam dapat dilihat dari segi perkembangannya di serata dunia. Perkara ini adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan oleh umat Islam. Tidak hairanlah masyarakat dunia pada masa kini mengambil berat dan berpandangan serius terhadap perkembangan dan kejayaan yang dikecapi oleh umat Islam.

Namun, disebalik perkembangan ini, terdapat segelintir orang Islam yang kurang memahami tentang Islam yang sebenar dengan betul dan mendalam sehingga terlalu taksub dengan Islam. Lebih menyedihkan dan memburukkan lagi keadaan apabila agama Islam seringkali dikaitkan dengan imej yang negatif lebih-lebih lagi dari *non-Muslim*. Hal ini setentunya meruntuhkan martabat Islam yang tinggi dan membawa keburukan kepada masyarakat Islam.

¹²¹ Roziah Sidik, *Pengajaran Islam*, 316

¹²² Muhammad Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, 211.

¹²³*Ibid*, 213.

Justeru, umat Islam harus membekalkan diri dengan ajaran-ajaran Islam yang sahih dan seterusnya menyebarkannya mengikut kemampuan masing-masing. Walaupun pada hakikatnya hidayah itu bergantung kepada kehendak Allah SWT, tetapi dengan usaha yang kental dan semangat yang jitu baik dari seorang individu maupun organisasi, agama Islam pasti berkembang di pelusuk dunia dengan izin-Nya juga.

BAB 3

ISLAM DAN MASYARAKAT CINA DI BRUNEI DARUSSALAM

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji menjelaskan serba sedikit tentang sejarah kekuasan Brunei Darussalam pada zaman dahulu hingga ia menjadi sebuah negara yang kecil seperti yang ada pada masa sekarang. Penjelasan ini merupakan sejarah ringkas tentang Brunei Darussalam dari sudut geografi. Manakala perbincangan tentang kedatangan Islam ke Brunei Darussalam dan perkembangannya secara kronologi bermula pada abad ke 14 hingga abad ke 21 juga dimuatkan dalam bab ini. Selain itu juga, corak kehidupan masyarakat Cina di Brunei Darussalam juga ditulis pada bab ini yang meliputi aspek taraf kerakyatan, agama dan badan kebajikan masyarakat Cina yang ada di Brunei Darussalam di samping menghuraikan usaha-usaha dakwah Islam yang dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab kepada golongan ini.

3.2 ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM

Pada zaman dahulu orang Inggeris menamakan Brunei Darussalam dengan pangilan yang berbeza-beza seperti Burni, Bournee dan Borneo. Adapun orang Belanda pula menyebut Brunei dengan sebutan yang jauh dari sebutan yang sebenar seumpama Berow, Barow dan Barau.¹²⁴ Namun pada zaman itu, Brunei lebih dikenali dengan nama Poni. Jika dilihat dari sudut sejarah, masyarakat Brunei Darussalam menghadapi dua fasa kehidupan iaitu zaman sebelum kedatangan Islam dan zaman selepas kedatangan Islam.

¹²⁴The State of Brunei Annual Report for the Year 1970, 394.

3.2.1 Zaman Brunei Darussalam Sebelum Kedatangan Islam.

Sebelum Brunei Darussalam menjadi sebuah negara Islam, keadaan masyarakatnya pada zaman silam dapat digambarkan seperti keadaan orang Arab Jahiliah. Bukan bermakna masyarakat Brunei pada zaman dahulu sama seratus peratus dengan masyarakat Arab jahiliah. Bahkan penamaan jahiliah ini diberikan dari sudut persamaan keadaan masyarakat Brunei dan Arab yang belum menerima cahaya Islam.¹²⁵

Ada pun pengaruh yang paling kuat meresap dalam kalangan masyarakat Brunei pada ketika itu ialah pengaruh Hindu-Buddha.¹²⁶ Hal ini sejajar dengan kedudukan Brunei yang strategik bagi laluan orang-orang Hindu dalam hubungan perniagaan dengan China semenjak kurun pertama. Oleh kerana Brunei merupakan tempat pertengahan perlayaran mereka, beberapa ahli sejarah mengatakan Brunei dijadikan tempat persinggahan mereka.¹²⁷ Ada pula yang berpendapat orang-orang Hindu menjadikan Brunei sebuah negeri.¹²⁸

Selain itu juga, jika diteliti sejarah Brunei Darussalam pada zaman silam, ia tidak terlepas dari jajahan empayar besar terutama sekali empayar Seri Wijaya yang banyak menguasai alam Melayu sejak abad ke 8¹²⁹ dan empayar Majapahit yang mengantikan kerajaan Seri Wijaya selepas keruntuhannya pada abad ke 14.¹³⁰ Pemerintahan empayar Seri Wijaya berjalan selama enam abad manakala penjajahan empayar Majapahit selama dua abad.¹³¹ Penjajahan seperti ini sudah setentunya

¹²⁵ Pg Hj Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, *Islam Di Brunei*, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei c.3, 2005), 32.

¹²⁶ Prof. Dato' Dr. Hj Mahmud Saedon, *A Review on: The Implementation and Administration of Islamic Law in Brunei Darussalam*, terj. Sharifah Khadijah Husien Alkaff (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 2008), 34.

¹²⁷ Pg. Hj. Mohammad, *Islam Di Brunei*, 2.

¹²⁸ Yura Halim dan Jamil Omar, *Sejarah Berunai*, (Brunei: t.p, 1958), 6.

¹²⁹ Gregoro F. Zaise, *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1972), 1:33-35.

¹³⁰*Ibid.*, 51.

¹³¹*Ibid.*, 49-50.

mempengaruhi kehidupan masyarakat Brunei lebih-lebih lagi kedua-dua empayar ini dikuasai orang Melayu yang berlatarbelakangkan pengaruh Hindu. Agama yang dianuti oleh Sriwijaya pada ketika itu ialah agama Buddha manakala Majapahit beragama Brahaman.¹³²

Tidak hairanlah disebabkan dua faktor ini iaitu tempat yang strategik dan penjajahan empayar besar, masyarakat Brunei dipengaruhi oleh orang-orang Hindu-Buddha dari aspek kebudayaan dan kepercayaan. Salah satu bukti tentang wujudnya dan kuatnya pengaruh Hindu-Buddha kepada masyarakat Brunei hingga ke hari ini ialah adat perkahwinan. Hingga hari ini, terdapat masyarakat Brunei yang masih mengekal adat yang bersumberkan pengaruh Hindu seperti berinai, merenjis beras ke atas pengantin, majlis berbedak dan sebagainya.

3.2.2 Zaman Brunei Darussalam Selepas Kedatangan Islam

Pada hakikatnya kedatangan Islam ke Brunei Darussalam bukanlah satu perkara yang baru namun ia sudah masuk ke Brunei Darussalam pada abad ke 13 dengan adanya penemuan batu nisan “Tuan P’u” yang dikatakan seorang keturunan Cina Islam.¹³³ Walaupun pada masa tersebut kehidupan beragama Islam masih diperangkat permulaan namun ia tidak menghalang ajaran Islam ini terus berkembang. Pada abad ke 14, bermulalah perubahan yang ketara dari aspek keagamaan apabila kerajaan Brunei pada masa itu diperintah oleh Awang Alak Betatar telah memeluk agama Islam dan seterusnya dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah.¹³⁴ Bertitik tolak dari sini bermula pemerintahan Brunei berlandaskan ajaran-ajaran Islam hingga ke hari ini.

¹³²Ibid., 51.

¹³³ Pg Dr. Hj Mohammad, *Islam Di Brunei Darussalam*, 59.

¹³⁴Ibid., V.

Di era moden ini, Islam terus berkembang maju di Brunei Darussalam lebih-lebih lagi apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien, Sultan Brunei yang ke 28¹³⁵ telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1954 dan menubuhkan Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 yang berperanan mengendalikan segala urusan-urasan berkaitan dengan Islam. Usaha kemuncak baginda ialah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara yang berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah seperti yang dicatatkan dalam perlembagaan Brunei 1959.¹³⁶

Ajaran-ajaran Islam terus diperkuuhkan lagi dan semakin berkembang apabila kerajaan Brunei Darussalam dipimpin oleh sultan Brunei yang ke-29, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzadin Waddaulah yang menaiki takhta pada tahun 1968. Salah satu penubuhan terpenting yang diasaskan oleh baginda ialah penubuhan Pusat Da’wah Islamiah pada tahun 1985 yang bertanggungjawab untuk menyebarkan kefahaman Islam di samping melaksanakan misi dakwah kepada penduduk Brunei yang belum beragama Islam.

3.3 MASYARAKAT CINA DI BRUNEI DARUSSALAM

Fakta melalui sejarah mencatatkan bahawa orang Cina berpindahkeluar dari negeri asal mereka iaitu Tanah Besar Cina disebabkan beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah kekurangan sumber makanan sementara penduduk semakin meningkat dan penganguran semakin ramai di kalangan masyarakat mereka sekitar tahun 1700 masihi hingga 1900 masihi. Selain itu juga, peperangan yang tercetus dan penindasan

¹³⁵ Al-Marhum Sultan Hj Omar ‘Ali Saifuddien menaiki takhta pada tahun 1950 dan menjadi sultan Brunei yang ke 28. Baginda memerintah kerajaan Brunei selama 17 tahun iaitu bermula pada tahun 1950 hingga 1967. Baginda mangkat pada tahun 1986.

¹³⁶ Pg Hj Mohammad Bin Pg Hj Abd Rahman, “*Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam*”, (Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999), 14.

golongan kapitalis ke atas golongan bawahan dan kaum tani mengakibatkan kebanyakan mereka keluar dari negara meraka.¹³⁷

Selain itu juga, bencana alam dan cuaca buruk yang sering melanda Tanah Besar China sehingga tidak ada bantuan dari pihak tertentu mendorong mereka untuk berpindah dari tempat asal mereka demi menyelamatkan dan meneruskan kehidupan mereka.¹³⁸

Justeru, boleh dikatakan masyarakat Cina merupakan salah satu masyarakat yang banyak imigran ke negara-negara lain lebih-lebih lagi di Nusantara ini.¹³⁹ Ini kerana sikap mereka yang boleh menerima dan menyesuaikan diri mereka dalam apa sahaja keadaan asalkan ia tidak menjaskan hak dan kedudukan mereka.¹⁴⁰

3.3.1 Kedatangan Masyarakat Cina ke Brunei Darussalam.

Hubungan China dengan Brunei Darussalam sudah pun bermula pada abad ke 6 Masihi. Hal ini dicatatkan dalam sejarah China yang mengatakan bawa Poni (Brunei) menjadi tempat persinggahan mereka di alam Melayu pada tahun 518, 523 dan 616 Masih.¹⁴¹ Namun hubungan ini terputus selama beberapa tahun atas sebab-sebab yang kurang jelas.¹⁴² Ada yang berpendapat terputusnya hubungan China dan Brunei Darussalam pada ketika itu adalah disebabkan pengaruh kerajaan Seri Wijaya yang menguasai alam Melayu.¹⁴³

¹³⁷ Yen Ching-Huang, *A Social History of The Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911*, (Singapore: Oxford University Press, 1986), 1.

¹³⁸*Ibid.*, 2.

¹³⁹ Syamsul Bahri Andi Galigo, *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama* (Negri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), 61.

¹⁴⁰ Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, (Selangor: Kemilau Publika SDN BHD, 2011), 76.

¹⁴¹ Yura Halim dan Jamil Omar, *Sejarah Berunai*, 6.

¹⁴² Pg. Hj. Mohammad, *Islam di Brunei*, 52.

¹⁴³ Hj Abd Qadir Leong, "Sejarah dan Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam Di Brunei Darussalam", (Kertas Kerja Seminar Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam di Nusantara, Kuala Terengganu, 24-26 Ogos 2006), 3.

Namun hubungan China dengan Brunei terjalin semula pada abad ke 10 Masihi di zaman Dinasti Sung Selatan (960-1279M)¹⁴⁴ apabila utusan Maharaja China datang ke Poni (Brunei Darussalam). Sebagai balasan, raja Poni pada ketika itu menghantar utusannya ke negri China pada tahun 977 Masihi. Berdasarkan catatan ini, dapat digambarkan hubungan Brunei dan China pada ketika itu sangat erat dengan penghantaran utusan lebih-lebih lagi apabila tercatat dalam sejarah China gambaran tentang keadaan kehidupan masyarakat Poni (Brunei Darussalam) pada abad itu.¹⁴⁵

Hubungan ini berterusan hingga zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali (1445-1432) iaitu sultan Brunei ke 3. Baginda berpendapat Brunei tidak perlu bergantung kepada perlindungan kuasa-kuasa besar seperti Negri China dan akhirnya memutuskan hampir semua bentuk hubungan dengan Negri China.¹⁴⁶

Selain itu juga, terdapat sejarah mencatatkan sebilangan pedagang daripada orang Cina yang datang ke Brunei adalah beragama Islam. Bukti ini boleh didapati dengan penemuan batu-batu nisan yang bertulis dengan tulisan Cina kepunyaan seorang bangsa Cina bernama Pu Kung Chin dan Li Chia Tzu. Batu-batu nisan ini dijumpai di perkuburan orang Islam yang kekal hingga sekarang. Ini membuktikan kedatangan orang Cina ke Brunei sudah lama wujud malah lebih dari itu, penemuan batu nisan orang Cina yang beragama Islam membuktikan pegangan orang Islam diterhadap ugamanya adalah sangat kuat.¹⁴⁷

Walaupun kedatangan orang cina berlaku seawal abad ke 6 tahun Masihi, namun kedatangan mereka dalam bentuk penghijrahan beramai-ramai dianggarkan

¹⁴⁴Ibid., 4.

¹⁴⁵Pg. Hj. Mohammad Pg. Hj Abd. Rahman, *Sejarah di Brunei*, 52.

¹⁴⁶Hj Abd Kadir Leong, "Sejarah dan Sumbangan Orang cina", 4.

¹⁴⁷Ibid., 6.

bermula pada akhir abad ke 16 Masihi iaitu masa yang sama penghijrahan orang Cina ke Semananjung Tanah Melayu.

3.3.2 Corak Kehidupan Masyarakat Cina di Brunei Darussalam.

Dari sejak dahulu lagi kedudukan orang Cina di Brunei Darussalam tidak diabaikan. Mereka diberi hak kerakyatan Brunei di samping boleh hidup di bawah naungan kerajaan Brunei dengan agama pegangan mereka asalkan tidak menyebarkanya selain dari agama Islam.

3.3.2 (a) Taraf Kerakyatan

Sebelum tahun 1959, status bangsa Brunei cuma dikenal sebagai rakyat Brunei atau orang Brunei yang menetap di Brunei Darussalam tanpa mempunyai taraf kebangsaannya sendiri dari segi perundangan. Namun pada tahun 1961, Brunei Darussalam telah membuat satu undang-undang taraf kerakyatan yang dipanggil sebagai Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 berkuat kuasa pada 1 Januari 1962.¹⁴⁸ Mengikut Akta Kebangsaan Brunei 1961 ini, rakyat jati Brunei secara rasmi terdiridari puak asli Melayu, iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut.¹⁴⁹

Oleh yang demikian, bangsa yang tidak tersenarai dalam akta ini merupakan bangsa asing termasuklah bangsa Cina yang ada sekarang. Namun mereka boleh mendapat taraf kerakyatan Brunei Darussalam dengan mengikuti syarat-syarat kelayakan yang digariskan oleh kerajaan Brunei Darussalam. Terdapat 3 kategori taraf kerakyatan yang dapat diberikan kepada bangsa Cina iaitu Rakyat Brunei,

¹⁴⁸ Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 (Undang-Undang No 4, 1961)

¹⁴⁹ Brunei Darussalam Statistical Year Book (Bandar Seri Begawan: Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) Jabatan Perdana Menteri, 2011), 1.

Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara.¹⁵⁰ Huraian taraf kerakyatan seperti berikut:

1) Rakyat Brunei.

Bangsa Cina yang menjadi rakyat atau warganegara Brunei Darussalam ialah mereka sudah bermastautin di Brunei Darussalam selama 12 tahun bagi yang lahir di Brunei Darussalam dan tinggal selama 20 tahun di Brunei bagi yang lahir di luar negeri. Selain syarat utama ini, mereka juga hendaklah fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik. Taraf kewarganegaraan asal mereka juga dilucutkan untuk mendapat tarak kerakyataan Brunei secara mutlak.¹⁵¹

2) Penduduk Tetap.

Ada pun Penduduk Tetap dari kalangan bangsa Cina ialah mereka yang menetap dan duduk di Brunei Darussalam dalam tempoh yang lama iaitu sekitar 20 tahun atau lebih akan tetapi tidak berhasrat untuk menukar taraf kewarganegaraan asal mereka kepada warganegara Brunei. Mereka juga tidak dipaksa untuk menjadi warganegara Brunei jika tidak mahu mengubah taat setia mereka pada kelahiran asal mereka.¹⁵²

3) Penduduk Sementara.

Penduduk Sementara adalah bagi mereka yang datang ke Brunei Darussalam dan terus menetap atas tujuan berkerja yang mengambil tempoh yang lama sedikit pada kebiasaanya. Mereka hanya duduk di Brunei dalam satu tempoh yang tertentu dan seterusnya akan pulang ke tempat asal mereka setelah

¹⁵⁰ Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011

¹⁵¹, “Bahagian Warganegara”, Laman sesawang *Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan*, di kemaskini 29 Jun 2009,dicapai 23 Disember 2013,
<http://www.imigresen.gov.bn/IM%20WSS/WGN.html>.

¹⁵²*Ibid.*

selesai berkerja sepenuhnya. Bangsa Cina yang terdiri dari penduduk sementara ini amat sedikit di Brunei Darussalam dengan jumlah 329 orang sahaja.¹⁵³

Berdasarkan laporan banci penduduk di Brunei Darussalam dari tahun 2001 hingga 2011, pertumbuhan penduduk bangsa Cina di Brunei Darussalam semakin meningkat iaitu dari 37,056 orang pada tahun 2001 kepada 40,534 orang pada tahun 2011. Ini merupakan satu kenaikan yang positif iaitu sebanyak 0.9%.¹⁵⁴

3.3.2 (b) Agama

Secara umumnya, masyarakat Cina boleh menerima apa jua bentuk kepercayaan agama asalkan tidak menyimpang dari menyeru berbuat baik dan percaya kepada tuhan. Namun pada lumrahnya, kebanyakan mereka mengikuti adat kepercayaan yang diwarisi oleh nenek moyang mereka sejak dulu lagi.¹⁵⁵

Ada pun masyarakat Cina di Brunei Darussalam, mereka tidak lari dari menghadapi hal yang sama dalam menganuti berbagai-bagai agama. Antara agama-agama yang dianuti oleh mereka adalah seperti Islam, Buddha dan Kristian. Bagi golongan bangsa Cina di Brunei Darussalam, kebanyakan mereka menganuti agama Buddha daripada agama Kristian dan Islam. Ini dapat dilihat dari laporan banci penduduk yang merekodkan seramai 26,248 orang bangsa Cina menganuti agama Buddha manakala agama Kristian dianuti oleh seramai 8,355 orang bangsa Cina. Tidak dinafikan terdapat juga bangsa Cina yang memeluki agama Islam dan menjadikannya sebagai panduan tatacara kehidupan mereka walaupun golongan yang beragama Islam ini adalah golongan minoriti dengan catatan 3,414 orang.¹⁵⁶

¹⁵³ Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011, 30.

¹⁵⁴*Ibid.*, 14-15.

¹⁵⁵ Hj Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 2005), 1-2.

¹⁵⁶ Laporan Banci 2011, 122.

Terdapat beberapa buah tokong dan gereja yang dibina untuk golongan orang bukan Islam akan tetapi pembinaan rumah ibadat mereka ini sangat sedikit. Bagi bangsa Cina yang beragama Buddha dan Kristian, mereka boleh mempraktik ajaran-ajaran agama mereka di Brunei Darussalam asalkan tidak ada unsur-unsur penyebaran dakwah mereka.¹⁵⁷

3.3.2 (c) Badan Kebajikan Masyarakat Cina

Masyarakat Cina di Brunei Darussalam tidak ketinggalan untuk mempunyai persatuan atau badan kebajikan tersendiri. Persatuan ini merupakan salah satu tempat penting untuk mereka menjalankan sesuatu aktiviti kemasyarakatan. Antara persatuan masyarakat Cina yang boleh didapati di Brunei Darussalam ialah:

- 1) Persatuan Perniagaan Taiwan Brunei Darussalam.
- 2) Persatuan Bekas Penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa.
- 3) Persatuan Tokong Cina Bandar Seri Begawan.
- 4) Persatuan Yuan Ji.
- 5) Persatuan Hainan.
- 6) Persatuan Mi Tzong Qi Gong.
- 7) Chinese Charitable Institution Kuala Belait.
- 8) Chinese Chamber of Commerce Belait.
- 9) Chinese Engineering Association.
- 10) Pertubuhan Kerjasama Kuang Hui.
- 11) Persatuan Cina Temburong.
- 12) Hokkien Association Brunei Darussalam.
- 13) Brunei China Frienship Association.
- 14) Persatuan Jasmani Tai Chi Belait.

¹⁵⁷ Pg Hj Mohammad, “Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam”, 14.

- 15) Persatuan Fu Chou Shiyyi.
- 16) Persatuan Zhong Zin Hakka Union.
- 17) Persatuan Hexiang Zhuang Brunei Muara.
- 18) Persatuan Catur Cina.
- 19) Persatuan Ba Duan Jin Wing Chun Brunei.
- 20) Society of Chinese Writers, Artists & Calligraphy.
- 21) Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam.
- 22) Taiwan Graduates Association of Brunei.
- 23) Persatuan Tai Poo Association.¹⁵⁸

Tidak dinafikan persatuan masyarakat Cina di Brunei Darussalam ini telah banyak memberi sokongan padu terhadap kemajuan negara. Mereka memberikan sumbangan yang bermakna dalam perkembangan ekonomi dan perniagaan serta mengekalkan kehidupan yang harmoni di Brunei Darussalam. Lebih dari itu, mereka juga turut memberi kerjasama jika terdapat sebarang seminar tentang Islam atau dialog yang khusus kepada golongan Cina daripada institusi dakwah Islam di Brunei. Ini menunjukan masyarakat Cina bukan sahaja menitik beratkan hal-hal perekonomian atau perniagaan semata-mata bahkan mereka juga tidak melupakan perihal agama Islam sebagai agama rasmi Brunei yang perlu difahami oleh semua golongan termasuk orang bukan Islam di Brunei Darussalam.¹⁵⁹

3.4 USAHA-USAHA DAKWAH ISLAM KEPADA MASYARAKAT CINA DI BRUNEI DARUSSALAM

Kegiatan dakwah Islamiah agak lembab dan perlahan pada permulaan kedatangan Islam. Namun hal ini tidak kekal begitu sahaja sehingga pada tahun 1950 apabila Sultan Omar Ali Saifuddin menjadi sultan yang ke 28, kecemerlangan Islam dapat

¹⁵⁸ Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam, 2013.

¹⁵⁹ Hj Abd Qadir Leong, “Sejarah dan Sumbangan Orang cina”, 8.

dilihat dari corak pemerintahan baginda. Banyak pertubuhan-pertubuhan yang diasas dan dibina untuk menjalankan misi dakwah Islam seperti penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1954 dan penubuhan Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 yang berperanan mengendalikan hal ehwal agama Islam di Brunei Darussalam.¹⁶⁰

Usaha ini diteruskan lagi oleh Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sultan Brunei ke 29 yang menaiki takhta pada tahun 1968. Semasa pemerintahan baginda, Pusat Da'wah Islamiah telah ditubuhkan pada tahun 1985 sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk menyebarkan Islam terutama sekali yang belum beragama Islam.¹⁶¹ Hasrat baginda tidak lain hanyalah untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai satu negara yang memartabatkan agama Islam di samping menjadikannya sebagai agama rasmi negara. Hasrat baginda ini dapat digambarkan dalam titah baginda pada 4 April 1989 Sempena Keberangkatan baginda ke Mukim Bokok dan Amo di daerah Temburong.

“Mengenai rakyat dan penduduk di Daerah ini yang terdiri dari berbagai puak dan ada di antaranya yang masih belum berugama atau sudah berugama lain dari ugama Islam, kita gembira kerana mereka dapat hidup dalam suasana saling hormat menghormati. Perbezaan ugama memang tidak seharusnya menjadikan orang berpecah-belah dan bermusuhan. Dalam pada itu kita ingin menegaskan bahawa oleh kerana ugama Islam ugama rasmi negara, kerajaan kita telah mengusahakan pengembangannya yakni supaya ia dianuti ataupun

¹⁶⁰ “Penulis tidak diketahui”, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 1997), 2

¹⁶¹*Ibid.*

sekurang-kurangnya difahami sebagai agama yang menganjurkan untuk hidup aman, taat lagi setia kepada raja dan negara”¹⁶²

Melalui titah ini dapat difahami bahawa rakyat Brunei yang bukan beragama Islam seharusnya memahami agama Islam walaupun tidak memeluknya. Dalam konteks masyarakat Cina, usaha- usaha dakwah kepada bangsa ini tidak dilupakan oleh badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyebarluaskan risalah Islam. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan ialah:¹⁶³

- 1) Pengambilan pendakwah yang pandai berbahasa Cina sebagai satu langkah permulaan agar kegiatan dakwah Islamiah kepada masyarakat Cina lebih cergas dan licin. Antara pendakwah tersebut ialah Ustaz Haji Abdul Kadir Leong yang mula berkhidmat pada awal tahun 1990 dan Ustaz Kamal Leang pada awal tahun 1991.
- 2) Lawatan muhibbah ke tempat perkilangan, kedai-kedai dan syarikat syarikat yang dimiliki oleh bangsa Cina ataupun tempat-tempat yang mempunyai bilangan perkerja yang ramai terdiri dari bangsa Cina. Kegiatan ini dilakukan sekurang-kurangnya dua kali sebulan.¹⁶⁴
- 3) Selain itu, rancangan tahunan bersama masyarakat Cina juga dibuat seperti seminar dan ceramah yang bertujuan memberi kefahaman tentang Islam kepada mereka. Melalui program seperti ini masyarakat Cina dapat mengetahui banyak perkara tentang Islam termasuk keraguan mahupun salahfaham mereka terhadap Islam.¹⁶⁵

¹⁶²Pg Hj Mohammad, *Kepimpinan Raja Memperkuat Asas dan Dasar Islam*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da’wah Islamiah, 2006), 10.

¹⁶³Hj Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina*, 12.

¹⁶⁴Proses Dakwah Kepada Non Muslim, 21.

¹⁶⁵Ibid.

- 4) Mengadakan aktiviti lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah bagi penuntut-penuntut yang belum beragama Islam.¹⁶⁶ Lawatan ini mengandungi unsur dakwah yang berkesan kerana mereka diberi penerangan tentang kegemilangan Islam yang boleh menarik mereka untuk memahami Islam dan seterusnya menganutinya.
- 5) Pengedaran buku-buku dan kaset ceramah tentang Islam dalam bahasa Cina. Buku-buku yang ditulis ke dalam bahasa Cina ini diberikan secara percuma kepada orang Cina yang belum memeluk Islam sebagai langkah permulaan untuk mengenal Islam.

3.5 KESIMPULAN

Kemasukan Islam di Brunei Darussalam bukanlah satu perkara yang mudah apatah lagi pengaruh Hindu-Buddha banyak mencorak kehidupan masyarakat Brunei sebelum tersebarnya Islam di Nusantara. Namun begitu, setelah sampainya Islam ke Tanah Melayu, Brunei menerima dengan baik sekaligus menjadikannya agama rasmi negara. Selain itu juga, jalinan hubungan antara Brunei dan China sudah lama terjalin. Hingga ke hari ini, masyarakat Cina di Brunei Darussalam dapat menikmati kehidupan bersama-sama orang Islam tanpa ada sebarang penindasan terhadap mereka bahkan mereka diberi peluang untuk menjadi rakyat Brunei jika ada kemahuan tanpa paksaan.

¹⁶⁶*Ibid*, 20.

BAB 4

PERSEPSI MASYARAKAT CINA TERHADAP ISLAM DAN MASYARAKAT ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan dan membincangkan hasil kajian yang dilaksanakan kepada masyarakat Cina di Brunei Darussalam yang bermastautin di daerah Brunei Muara khususnya tentang persepsi mereka terhadap Islam dan masyarakat Islam dan seterusnya menilai faktor-faktor penerimaan mereka terhadap agama Islam dan sebaliknya. Data yang dianalisis dihurai dengan menggunakan statistic deskritif iaitu frekuensi dan peratusan. Bab ini dimulakan dengan membincangkan demografi responden.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Dari sudut demografi responden, pengkaji menyentuh kepada 6 aspek iaitu jantina, umur, taraf kerakyatan, agama, pekerjaan dan tahap pendidikan.

4.2.1 Jantina

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	207	53.8%
Perempuan	178	46.2%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Jadual 4.1 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah terdiri dari kalangan lelaki iaitu seramai 207 orang (58.3%) manakala perempuan seramai 178 orang (46.2%). Ini menjelaskan bahawa jumlah responden lelaki lebih banyak berbanding responden perempuan.

4.2.2 Umur

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Frekuensi	Peratus
15-25	125	32.5%
26-35	81	21.0%
36-50	105	27.3%
50 Ke Atas	74	19.2%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Berdasarkan jadual 4.2 ini, responden yang berumur 15-25 tahun mendominasi dalam kajian ini dengan catatan seramai 125 orang (32.5%). Manakala seramai 81 orang (21%) dari kalangan responden berumur 26-35 tahun. Ada pun responden yang terdiri dari kalangan 36-50 tahun adalah seramai 105 orang (27.3%) dan dari kalangan 50 tahun ke atas pula seramai 74 orang dengan peratusan 19.2%. Kesemua responden melalui dapatan kajian ini ialah mereka yang mencapai tahap *mukallaf* dan ‘*aqil baligh* iaitu sepetimana yang digariskan oleh syarak.

4.2.3 Taraf Kerakyatan

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Taraf Kerakyatan

Taraf Kerakyatan	Frekuensi	Peratus
Warganegara	186	48.3%
Penduduk Tetap	119	30.9%
Penduduk Sementara	80	20.8%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Hasil kajian berdasarkan jadual 4.3 ini menunjukan kebanyakan responden adalah terdiri dari bangsa cina yang mempunyai taraf kerakyatan warganegara Brunei Darusalam iaitu seramai 186 (48.3%) orang. Manakala Penduduk Tetap seramai 119

(30.9%) orang dan Penduduk Sementara 80 (20.8%) orang. Justeru, dapat dikatakan kebanyakan responden adalah terdiri dari mereka yang menetap tempoh yang agak lama di Brunei Darussalam.

4.2.4 Agama

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Agama

Agama	Frekuensi	Peratus
Kristian	96	24.9%
Buddha	231	60.0%
Hindu	2	.5%
Tiada Agama	56	14.5%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Dalam jadual 4.4 ini, lebih dari separuh daripada responden merupakan beragama Buddha dengan keramaian 231 (60%) orang. Ada pun mereka yang beragama Kristian seramai 96 (24.9%) orang dalam hasil kajian ini. Penganut agama Hindu pula mencatatkan seramai 2 (0.5%) orang sahaja. Tidak dinafikan dalam hasil kajian ini terdapat juga bangsa Cina yang tidak mempunyai sebarang pegangan atau agama (Aties) dengan jumlah 56 (14.5%) orang. Kesimpulannya, kebanyakan bangsa Cina yang berada di Brunei Darussalam menganuti agama Buddha bersesuaian dengan laporan banci penduduk.¹⁶⁷

¹⁶⁷ Laporan Banci 2011, 122.

4.2.5 Perkerjaan

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Perkerjaan

Pekerjaan	Frekuensi	Peratus
Pelajar	116	30.1%
Kakitangan Kerajaan	82	21.3%
Swasta	94	24.4%
Kerja Sendiri	69	17.9%
Tiada Pekerjaan	24	6.2%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Jadual 4.5 di atas ini menunjukkan majoriti responden dengan jumlah 116 (30.1%) orang terdiri dari kalangan pelajar. Responden yang berkerja di bawah sektor kerajaan mencatatkan 82 (21.3%) orang manakala dari sektor swasta seramai 94 (24.4%) orang. Bagi responden yang berkerja sendiri pula seramai 69 (17.9%) orang. Hanya 24 (6.2%) orang dari jumlah keseluruhan responden dari mereka dari kalangan yang tidak mempunyai perkerjaan.

4.2.6 Tahap Pendidikan

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus
Tidak Bersekolah	0	0
Sekolah Rendah	36	9.4%
‘O’ Level	92	23.9%
‘A’ Level	87	22.6%
Diploma/Sijil	63	16.4%
Peringkat Universiti	107	27.8%
Jumlah	385	100%

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Jadual 4.6 ini menerangkan latar belakang responden mengikut tahap pendidikan yang dicapai. Hasil dapatan kajian mendapati tiada responden yang direkodkan dari

kalangan tidak bersekolah. Ada pun responden yang mempunyai tahap pendidikan yang minimum iaitu sekolah rendah ialah seramai 36 (9.4%) orang. 92 (23.9%) responden mencapai tahap pendidikan di peringkat ‘O’ Level dan 87 (22.6%) responden mencapai tahap pendidikan di peringkat ‘A’ Level. Responden yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat diploma/sijil pula ialah seramai 63(16.4%) orang. Responden yang paling banyak dalam kajian ini ialah mereka yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat universiti (sarjana muda ke atas) dengan catatan seramai 107 (27.8%) orang.


Justeru, semua responden dalam kajian ini merupakan orang yang mempunyai pendidikan sekolah sama ada di peringkat rendah mahu pun peringkat tinggi. Ini menggambarkan bahawa bangsa Cina di Brunei Darussalam sangat mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka.

4.3 PENGETAHUAN TENTANG AGAMA ISLAM

Pengetahuan yang baik merupakan asas penting untuk memahami agama Islam. Namun sumber dari mana pengetahuan itu didapati adalah amat mustahak agar tidak membawa kepada kefahaman yang salah. Justeru, dalam kajian ini pengkaji terlebih dahulu mengajukan soalan kepada responden bertanyakan sumber utama mereka untuk mengetahui Islam sebelum menilai pengetahuan mereka tentang Islam. Ada pun persoalan berkaitan pengetahuan mereka tentang Islam, pengkaji menghuraikannya dari 3 sudut iaitu Akidah, Hukum dan Ibadah dalam Islam. Huraian hasil kajian adalah seperti berikut:

4.3.1 Sumber Pengetahuan Tentang Agama Islam

Rajah 4.1: Taburan Responden Mengikut Sumber Pengetahuan Tentang Agama Islam



Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Oktoper 2013.

Untuk mendapat data tentang sumber pengetahuan responden tentang agama Islam, responden diberi pilihan untuk memberi jawapan lebih dari satu. Hasil kajian berdasarkan jadual 4.8 mendapati pendidikan sekolah menjadi tempat utama kebanyakan responden untuk mengetahui tentang agama Islam dengan pilihan seramai 267 orang (40.5%). Manakala kawan dan keluarga menjadi sumber kedua utama responden untuk mengetahui Islam dengan pilihan seramai 145 orang (22%) dan diikuti 127 orang (19.2%) memilih media cetak seperti buku, majalah dan akhbar sebagai sumber mereka. Terdapat juga responden yang mengetahui tentang Islam melalui media elektronik seperti radio dan televisyen dengan pilihan seramai 91 orang (13.8%). Seramai 30 orang (4.5%) pula menjadikan seminar sebagai salah satu diantara sumber-sumber untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tentang Islam.

Justeru, dapat dijelaskan di sini bahawa pengetahuan tentang agama Islam di Brunei Darussalam boleh didapati dari bermacam-macam sumber. Hanya yang membezakannya ialah sumber itu boleh dipercayai atau pun tidak. Namun berdasarkan hasil kajian ini, kebanyakan responden memilih sekolah sebagai salah

satu tempat mereka untuk mengetahui Islam. Ini menggambarkan bahawa pendidikan di sekolah-sekolah di Brunei Darussalam menjadi salah satu sumber penting untuk memberikan kefahaman tentang Islam kepada orang bukan Islam.

Hal ini bertepatan dengan dasar kerajaan yang mewajibkan semua pelajar termasuklah orang bukan yang bersekolah di sekolah-sekolah kerajaan untuk mempelajari ilmu Islam kerana ia merupakan salah satu konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja. Begitu juga halnya dengan sekolah-sekolah swasta dikehendaki menjadikan ilmu berkaitan dengan Islam sebagai salah satu subjek yang dijarkan kepada pelajarnya walaupun kebanyakan pelajarnya adalah dari kalangan orang bukan Islam.¹⁶⁸ Sekolah terbesar bagi orang Cina di Brunei Darussalam ialah Sekolah Chung Hwa yang mempunyai banyak cawangan.¹⁶⁹ Sekolah ini tidak terkecuali bagi pelajar mereka untuk mempelajari agama Islam.

Ada pun sumber mereka mengetahui Islam dari kenalan mahu pun keluarga tidak menjadi satu perkara yang mustahil kerana kebanyakan penduduk Brunei adalah beragama Islam apatah lagi Islam dijadikan sebagai agama rasmi. Ada pun media massa di Brunei Darussalam sama ada media cetak mahu pun media elektronik tidak ketinggalan mempunyai peranan dalam memberikan kefahaman tentang Islam kepada orang bukan Islam khususnya orang Cina.

Selain itu, seminar menjadi sumber yang paling sedikit dipilih oleh responden adalah berkemungkinan kerana seminar untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada orang Cina dibuat tidak beberapa kerap dan jika ia dibuat hanya untuk sebahagian orang sahaja.¹⁷⁰

¹⁶⁸ Warta Kerajaan 2003 (No. 58/2003)

¹⁶⁹ Hj Abd Qadir Leong, "Sejarah dan Sumbangan Orang cina", 23.

¹⁷⁰Proses Dakwah Kepada Non Muslim, 21.

Justeru, dapat disimpulkan melalui hasil kajian ini bahawa pendedahan berkaitan dengan Islam di Brunei Darussalam bukanlah satu perkara yang sukar bahkan mudah disebarluaskan dan diajar secara terbuka lebih-lebih lagi Brunei Darussalam adalah sebuah negarayang memartabatkan Islam.

4.3.2 Pengetahuan Tentang Aqidah

Dalam Islam, aqidah merupakan asas penting untuk menentukan seseorang itu Islam atau pun tidak. Aqidah dalam Islam lebih dikenali sebagai rukun Iman yang merangkumi 6 perkara iaitu percaya kepada Allah SWT, Malaikat-malaikat, Kitab-kitab, Rasul-rasul, hari Kiamat dan Qada' dan Qadar. Bagi mengetahui tahap pengetahuan responden tentang Islam dari sudut aqidah, kajian ini telah mengemukakan tiga persoalan yang menyentuh aspek ketuhanan, kenabian dan perkara yang ghaib. Hasil kajian dibentang dalam jadual 4.7.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tentang Aqidah

		Jawapan Responden			Skor Purata Min
		Salah	Tidak Pasti	Betul	
1	Islam mempunyai banyak Tuhan	284 (73.5%)	85 (22.1%)	17 (4.4%)	2.69
2	Hari Kiamat adalah salah satu daripada kepercayaan dalam Islam	8 (2.1%)	128 (33.2%)	249 (64.7%)	2.63
3	Muhammad adalah seorang Nabi dalam Islam	5 (1.3%)	52 (13.5%)	328 (85.2%)	2.84

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Oktoper 2013.

Dalam jadual 4.7 ini menunjukkan kebanyakan responden iaitu 284 orang (73.5%) telah memberi jawapan “salah” bagi penyataan “Islam mmpunyai banyak Tuhan”. Manakala 85 orang (22.1%) menjawab “tidak pasti” dan 17 orang (4.4%) menjawab

“betul”. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa responden dapat mengenali tuhan yang satu dalam Islam dan membezakannya dengan agama-agama lain.

Selain itu juga, pernyataan tentang “hari kiamat adalah salah satu daripada kepercayaan dalam Islam” dijawab “betul” oleh kebanyakan responden iaitu seramai 249 orang (64.7%) seperti yang dibentangkan dalam jadual 4.7. Ada pun mereka yang menjawab “tidak pasti” ialah seramai 128 orang (33.2%) dan jawapan “salah” seramai 8 orang (2.1%). Hal ini membuktikan bahawa pengetahuan mereka tentang Islam dalam perkara ghaib yang di luar kemampuan akal manusia adalah sangat baik. Pengetahuan tentang perkara ghaib ini kebiasaannya boleh daptati oleh golongan bukan Islam melalui pendidikan di alam persekolahan.

Manakala pernyataan yang menyentuh aspek kenabian iaitu “Muhammad adalah seorang Nabi dalam Islam”, jadual 4.7 menunjukkan bahawa seramai 328 orang (85.2%) telah menjawab “betul”. Jawapan “tidak pasti” diberikan oleh seramai 52 orang (5.2%) dan hanya 5 orang (1.3%) memberikan jawapan “salah”. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa responden dapat mengenal nama Muhammad sebagai seorang nabi dalam Islam. Pengkaji berpendapat bahawa sambutan maulud Nabi Muhammad SAW yang diadakan secara besar-besaran menjadi salah satu faktor yang menyumbang ke arah pemahaman responden tentang Nabi Muhammad dan seterusnya mengenali kenabian baginda.

Secara keseluruhannya berdasarkan hasil dapatan kajian tentang pengetahuan orang Cina di Brunei Darussalam dari sudut aqidah Islam, mereka sangat jelas tentang aqidah Islam walaupun terdapat segelintir mereka yang masih meragui atau berkefahaman yang salah namun jumlahnya adalah sedikit. Justeru, dapat dikatakan mereka dapat memahami perkara ini dengan baik.

4.3.3 Pengetahuan Tentang Hukum Dalam Islam

Dalam ajaran Islam, memahami, mempelajari dan mendalami aspek hukum merupakan satu asas yang utama dalam menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Kajian ini tidak terlepas untuk mengajukan 3 soalan kepada responden yang berkaitan tentang hukum-hukum yang ada dalam ajaran Islam. Hasil dapatan kajian dihuraikan dalam jadual 4.8.

Jadual 4.8: Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tentang Hukum Dalam Islam

		Jawapan Responden			Skor Purata Min
		Salah	Tidak Pasti	Betul	
1	Islam membenarkan judi	360 (93.5%)	11 (2.9%)	14 (3.6%)	2.90
2	Arak dibenarkan dalam Islam	361 (93.8%)	8 (2.1%)	16 (4.2%)	2.90
3	Islam melarang perbuatan zina	37 (9.6%)	34 (8.8%)	314 (81.6%)	2.72

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Jadual 4.8 memaparkan bahawa hampir keseluruhan responden menjawab dengan tepat tentang pernyataan “Islam membenarkan judi” dengan jumlah seramai 360 orang (93.5%) menjawab “salah”. 11 orang (2.9%) menjawab “tidak pasti” dan 14 orang (3.6%) menjawab betul. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa mereka sangat tahu tentang larangan keras terhadap judi oleh agama Islam.

Bagi pernyataan “arak dibenarkan dalam Islam” seperti dalam jadual 4.8%, hampir kesemua memberikan jawapan “salah” dengan catatan 361 orang (93.8%) dan 8 orang (2.1%) menjawab “tidak pasti”. Manakala 16 orang (4.2%) dari jumlah responden memberikan jawapan “betul”. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, kebanyakan responden sangat mengetahui tentang larangan Islam tentang

pengambilan arak. Dapat dikatakan bahawa masyarakat Cina di Brunei Darussalam dapat memahami tentang pengharaman arak dalam Islam. Faktor ketiadaan penjualan arak atau tidak ada satu pun kedai-kedai yang menyediakan arak di Brunei Darussalam menunjukkan kepada golongan *non-Muslim* khususnya bangsa Cina tentang larangan keras terhadap arak.

Dalam jadual 4.8 ini juga menunjukkan jumlah responden yang menjawab “salah” dan “tidak pasti” tentang pernyataan “Islam melarang perbuatan zina” hampir sama. Seramai 37 orang (9.6%) menjawab “salah” dan 34 orang (8.8%) menjawab tidak pasti. Ada pun jawapan “betul” mendominasi pernyataan ini dengan jumlah responden seramai 314 orang (81.6%). Hasil penyelidikan ini menjelaskan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang betul tentang pengharaman Islam terhadap perbuatan zina.

Kesimpulannya, walaupun di dalam ajaran Islam mempunyai hukum-hukum asas yang banyak namun melalui kajian ini membuktikan hampir keseluruhan responden dapat memahami dan mengetahui hukum-hukum dalam Islam dengan tepat dan jelas. Ini turut menjelaskan bahawa mempelajari Islam dari sudut hukum yang asas bukanlah satu perkara yang rumit bagi golongan orang bukan Islam.

4.3.4 Pengetahuan Tentang Ibadah Islam

Aspek ibadah sangat ditekankan oleh Islam kepada penganutnya kerana ia merupakan salah satu pembuktian dan keyakinan terhadap Allah SWT. Hal ini dimuatkan dalam Rukun Islam yang menyentuh 5 perkara iaitu mengucapkan syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan fardu Haji ke Mekah jika mempunyai kemampuan. Dalam kajian ini, pengetahuan responden tentang ibadah tentang Islam turut diuji. Dapatan kajian dibentangkan dalam jadual 4.9.

Jadual 4.9: Taburan Responden Mengikut Pengetahuan Tentang Ibadah Islam

		Jawapan Responden			Skor Purata Min
		Salah	Tidak Pasti	Betul	
1	Orang Islam mesti sembahyang sekali sehari	290 (75.3%)	66 (17.1%)	29 (7.5%)	2.68
2	Orang Islam mesti berpuasa sebulan sebelum hari raya aidifitri	13 (3.4%)	18 (4.7%)	354 (91.9%)	2.89
3	Orang Islam mesti pergi ke Mekah (Haji) jika mampu	20 (5.2%)	70 (18.2%)	295 (76.6%)	2.71

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Melalui pembentangan hasil kajian dalam jadual 4.9, seramai 290 orang (75.3%) responden memberikan jawapan “salah” bagi penyataan “orang Islam mesti sembahyang sekali sehari”. Manakala 66 orang (17.1%) dari jumlah responden menjawab “tidak pasti” dan 29 orang (7.5%) menjawab “betul”. Hal ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden mengetahui dengan baik tentang kewajipan solat 5 waktu yang diwajibkan ke atas umat Islam. Pada hemat pengkaji, mereka tahu tentang perkara ini sejak di alam persekolahan kerana di samping mempelajarinya secara teori, para pelajar yang beragama Islam juga mempraktikannya disekolah yang akhirnya memberikan pengetahuan yang baik terhadap orang bukan Islam tentang solat.

Dalam jadual 4.9 ini juga menjelaskan penyataan “orang Islam mesti berpuasa sebulan sebelum hari raya aidifitri” telah dijawab dengan tepat oleh kebanyakan responden. Ini dapat dilihat dari jadual di atas iaitu 354 orang (91.9%) telah memilih “betul” sebagai jawapan mereka. Jawapan “tidak pasti” pula dipilih oleh seramai 18 orang (4.7%) dan “salah” dipilih oleh seramai 13 orang (3.4%). Hasil kajian ini menjelaskan bahawa pemahaman mereka tentang erti puasa serta

tempoh yang di wajibkan ke atas orang Islam untuk berpuasa adalah ditahap yang baik.

Bagi penyataan “orang Islam mesti pergi ke Mekah (Haji) jika mampu” dalam jadual 4.9, seramai 295 orang (76.6%) menjawab “betul” dan 70 orang (18.2%) menjawab “tidak pasti”. Ada pun 20 orang (5.2%) adalah dari mereka yang memberikan jawapan “salah”. Ini menjelaskan kebanyakan responden mengetahui dengan betul tentang kewajipan Haji ke Mekah di bulan Zulhijjah.

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian mendapati bahawa pemahaman responden tentang Islam dari aspek ibadah Islam ditahap yang baik. Ini kerana lebih dari separuh dari responden menjawab persoalan-persoalan ibadah dengan tepat dan betul. Justeru, pengkaji berpendapat mempraktikkan ajaran-ajaran Islam selain mempelajarinya secara teori dapat memberikan kefahaman yang mendalam kepada golongan bukan Islam tentang ibadah yang wajib dilaksanakan oleh orang Islam.

4.4 PERSEPSI MASYARAKAT CINA TERHADAP ISLAM

Dalam kajian ini, persepsi masyarakat Cina terhadap Islam di Brunei Darussalam dikaji dari tiga komponen iaitu kepentingan Islam, peraturan Islam dan isu semasa tentang agama Islam.

4.4.1 Persepsi Terhadap Kepentingan Islam

Agama adalah satu pegangan yang harus ada dalam diri setiap insan kerana agama mempunyai asas dan kepentingan kepada kejayaan hidup. Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah mengajukan 3 persoalan berkaitan kepentingan Islam untuk mengkaji persepsi mereka terhadap perkara ini. Huriaian hasil dapatan kajian dianalisa dan dibentang dalam jadual 4.10.

Jadual 4.10: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Kepentingan Islam

		Persepsi Responden					Skor Purata Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1	Islam tidak mementingkan dunia	93 (24.2%)	164 (42.6%)	89 (23.1%)	38 (8.8%)	5 (1.3%)	3.79
2	Islam mengajak ke arah kebaikan	10 (2.6%)	8 (2.1%)	27 (7.0%)	178 (46.2%)	162 (42.1%)	4.23
3	Ajaran Islam tidak sesuai dengan dunia masa kini	61 (15.8%)	129 (33.5%)	139 (36.1%)	48 (12.5%)	8 (2.1%)	3.49

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Oktoper 2013.

Dalam jadual 4.10 di atas ini dapat dihuraikan bahawa kelompok responden yang tidak bersetuju bahawa Islam tidak mementingkan dunia adalah dominan dengan catatan seramai 257 orang (66.8%). Ada pun mereka yang tidak pasti dan tidak bersetuju dengan pernyataan ini, masing-masing mencatatkan 89 orang (23.1%) dan 43 orang (10.1%).

Hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat Cina bertanggapan baik tentang agama Islam. Justeru, persepsi yang popular dalam kalangan masyarakat *non-Muslim* tentang Islam menolak kemajuan sehingga tidak mementingkan kehidupan dunia¹⁷¹ tidak berlaku kepada pemikiran masyarakat Cina di Brunei Darussalam. Ini membuktikan orang Islam di Brunei Darussalam tidak terlalu taksub tentang akhirat sehingga tidak memedulikan hal-ehwal dunia.

Jadual 4.10 ini juga menjelaskan bahawa majoriti responden iaitu seramai 340 orang (88.3%) bersetuju bahawa salah satu kepentingan Islam ialah mengajak ke

¹⁷¹ Ghazali Darulsalam, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*, 9.

arah kebaikan. Ada pun responden yang tidak bersetuju adalah seramai 18 orang (4.7%). Manakala 27 orang (7%) tidak pasti perkara ini.

Daripada hasil penyelidikan ini dapat membuktikan bahawa inti pati agama Islam sebagai agama yang sering mengajak umatnya untuk membuat kebaikan dan kebajikan mendapat tarikan masyarakat Cina di Brunei Darussalam. Penonjolan yang baik tentang syiar Islam di Brunei Darussalam setentunya menjadikan persepsi masyarakat Cina terhadap Islam ditahap yang positif. Persepsi yang positif ini juga lahir di kalangan masyarakat Cina disebabkan prinsip kehidupan mereka yang mempercayai apa sahaja agama asalkan menyeru kepada kebaikan dan kebajikan.¹⁷²

Demikian juga dalam jadual 4.10 turut menjelaskan bahawa 190 orang (49.3%) tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa ajaran Islam tidak sesuai dengan dunia masa kini. Bagi responden yang menjawab “tidak pasti” adalah seramai 139 orang (36.1%). Manakala 56 orang (14.6%) dari kalangan responden bersetuju bahawa ajaran Islam tidak relevan di dunia kemodenan ini.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dikatakan bahawa kebanyakan masyarakat Cina di Brunei Darussalam berpandangan baik dan setuju dengan kesesuaian ajaran-ajaran Islam pada masa kini. Hal ini berbeza dengan tanggapan sesetengah orang khususnya yang lantang menuduh bahawa cara hidup Islam tidak lagi dapat diterima ini malah tidak sesuai dan tidak logik untuk diaplikasikan di zaman moden ini.¹⁷³

Ringkasnya, persepsi masyarakat Cina terhadap Islam di Brunei Darussalam dari perspektif kepentingan Islam adalah ditahap yang positif. Ini jelas membuktikan perwatakan orang Islam di Brunei Darussalam yang ditunjukkan adalah baik sehingga masyarakat Cina dapat melihat kepentingan yang dibawa oleh agama Islam.

¹⁷² Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina*, 2.

¹⁷³ Muhd Qutb, *Salah faham Terhadap Islam*, 215.

4.4.2 Persepsi Terhadap Peraturan Islam

Peraturan-peraturan dalam Islam dibuat agar umat Islam dapat hidup dalam kesejahteraan dan harmoni di dunia dan mendapat kejayaan di akhirat. Pengkaji telah mengajukan 3 persoalan kepada responden tentang persepsi mereka terhadap peraturan Islam. Huraian hasil kajian dibentang dalam jadual 4.11.

Jadual 4.11: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Peraturan Islam

Persepsi Responden						
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Skor Purata Min
1 Tiada kebebasan dalam Islam	53 (13.8%)	158 (41.0%)	106 (27.5%)	58 (15.1%)	10 (2.6%)	3.48
2 Hukuman dalam Islam adalah kejam	70 (18.2%)	93 (24.2%)	140 (36.3%)	66 (17.1%)	16 (4.2%)	3.35
3 Pengharaman arak dan judi tidak sesuai dengan kehidupan orang Cina	41 (10.6%)	120 (31.2%)	94 (24.4%)	105 (27.3%)	25 (6.5%)	3.12

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Dalam jadual 4.11 ini menjelaskan bahawa 211 orang (54.8%) responden telah menyatakan tidak bersetuju tentang tiada kebebasan dalam Islam. 106 orang (27.5%) pula tidak pasti tentang perkara ini. Golongan yang sedikit adalah mereka yang bersetuju tentang tiada kebebasan dalam Islam dengan catatan 68 orang (17.7%).

Berdasarkan hasil dapatan ini, dapat dijelaskan bahawa persepsi masyarakat Cina di Brunei Darussalam tentang kebebasan dalam kehidupan ditahap yang positif. Sememangnya salah satu perkara yang membuatkan kebanyakan golongan *non-Muslim* berfikiran negatif terhadap Islam ialah berkaitan dengan peraturan dan kongkongan yang banyak sehingga tiada kebebasan dalam kehidupan. Oleh yang

demikian, pengikut Islam dilihat sering terikat dengan kewajipan-kewajipan yang mesti dilaksanakan sehingga dianggap Islam itu sifatnya memaksa.¹⁷⁴

Namun begitu, Islam di Brunei Darussalam dapat ditonjolkan dengan baik dengan tidak mengongkong penganutnya untuk melakukan apa sahaja asalkan ia tidak bercanggah dengan tuntutan agama.

Jadual 4.11 juga menjelaskan bahawa kebanyakan responden iaitu 163 orang (42.4%) tidak bersetuju tentang pernyataan hukuman dalam Islam adalah kejam. 140 orang (36.3%) tidak pasti tentang hal ini manakala selebihnya iaitu 82 orang (21.3%) bersetuju bahawa hukuman dalam Islam adalah kejam. Walaupun kebanyakan responden tidak bersetuju tentang hukuman Islam adalah kejam namun jumlah responden yang tidak pasti tentang perkara ini menghampiri dengan jumlah mereka yang bersetuju.

Salah satu hukuman dalam Islam yang dianggap kejam¹⁷⁵ dari pandangan *non-Muslim* ialah hukum hudud yang merangkumi hukum bunuh dan potong anggota badan yang menyebabkan kecacatan fizikal. Berdasarkan hasil penyelidikan ini, dapat membuktii bahawa kefahaman tentang hukum-hukum yang ada dalam Islam kurang dijelaskan kepada masyarakat Cina. Ini menjelaskan bahawa masih ada ruang yang banyak untuk mempertingkatkan fahaman masyarakat Cina di Brunei Darussalam tentang hukuman yang dipraktik dalam ajaran Islam.

Ada pun kefahaman tentang hukum-hukum dalam Islam ini pada kebiasaan nya dijelaskan dalam seminar yang mana para pesertanya hanya terdiri dari jumlah yang tertentu.¹⁷⁶ Pada pendapat pengkaji, masyarakat Cina melihat hukum-hukum dalam Islam itu dari luaran sahaja tanpa ada penerangan yang praktikal dan

¹⁷⁴ Abd Aziz Md Zin, *Metodologi Dakwah*, 217-218.

¹⁷⁵ Yunus Abdullah, *Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu*, 97.

¹⁷⁶ *Proses Dakwah Kepada Non-Muslim*, 21.

penjelasan yang mendalam tentang sesuatu hukuman itu yang menyentuh sebab hukuman itu dicipta. Dari sini, dengan pemahaman yang umum dan kurang mendalam menjadikan segelintir masyarakat Cina yang masih kurang memahami tentang hukuman dalam Islam.

Selain itu juga, jadual 4.11 turut menjelaskan bahawa majoriti responden dengan jumlah seramai 161 orang (41.8%) tidak bersetuju dengan persoalan “pengharaman arak dan judi tidak sesuai dengan kehidupan orang Cina”. Manakala 130 orang (33.8%) pula bersetuju tentang perkara arak dan judi ini dan 94 (24.4%) tidak pasti tentang perkara ini.

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat membuktikan kebanyakan responden dari kalangan masyarakat Cina menerima dengan baik tentang pengharaman arak dan judi ini. Namun begitu, walaupun majoritinya adalah mereka yang berpandangan baik namun dapat dikatakan masih terdapat ramai yang menyatakan persetujuan mereka bahawa pengharaman arak dan judi tidak relevan dengan corak dan tatacara kehidupan masyarakat Cina.

Ini membuktikan bahawa masyarakat Cina di Brunei Darussalam masih susah untuk menerima kenyataan tentang pengharaman arak dan judi dalam ajaran Islam walaupun larangan keras untuk menjual atau mengimport arak ke Brunei Darussalam sudah dilaksanakan serta tiadanya pusat perjudian.

Kesimpulannya, hasil penyelidikan ini mendapati majoriti masyarakat Cina berpersepsi positif terhadap Islam dari sudut peraturan-peraturan yang diajarkan oleh agama Islam. Walaubagaimanapun, masih terdapat segelintir dari kalangan mereka yang berfikiran negatif terhadap peraturan Islam yang mengharamkan arak dan judi. Justeru, usaha yang berterusan dalam memahamkan masyarakat Cina sebab pengharaman judi dan arak hendaklah giat dilakukan.

4.4.3 Persepsi Terhadap Isu Semasa Tentang Islam

Dalam penyelidikan ini, pengkaji turut mengkaji tentang persepsi masyarakat Cina di Brunei Darussalam terhadap isu-isu semasa berkaitan dengan agama Islam. Penjelasan hasil dapatan kajian dibentangkan dalam jadual 4.12 di bawah ini.

Jadual 4.12: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Isu Semasa Tentang Islam

		Persepsi Responden						Skor Purata Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju		
1	Islam agama yang cepat berkembang	4 (1.0%)	31 (8.1%)	156 (40.5%)	155 (40.3%)	39 (10.1%)		3.50
2	Islam adalah agama bagi orang Melayu	61 (15.8%)	188 (48.8%)	43 (11.2%)	62 (16.1%)	31 (8.1%)		3.48
3	Islam bukan agama teroris	129 (33.5%)	178 (46.2%)	52 (13.5%)	14 (3.6%)	12 (3.1%)		4.03

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Berdasarkan jadual 4.12 ini, lebih dari separuh daripada responden kajian iaitu seramai 194 orang (50.4%) menyatakan mereka bersetuju bahawa agama Islam adalah agama yang giat berkembang. Seramai 156 orang (40.5%) memberikan jawapan tidak pasti tentang perkembangan Islam yang aktif. Terdapat juga responden yang tidak bersetuju tentang pernyataan Islam adalah agama yang cepat berkembang dengan catatan seramai 35 orang (9.1%).

Melalui hasil dapatan kajian ini dapat membuktikan bahawa kebanyakan mereka peka dengan perkembangan Islam dan peningkatan Islam di Brunei Darussalam. Ini dapat dilihat melalui data yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan

dan Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam.¹⁷⁷ Walaupun begitu, masih terdapat responden yang tidak pasti tentang perkara ini. Ini berkemungkinan mereka kurang mengambil perhatian tentang isu agama khususnya agama Islam di Brunei Darussalam.

Dalam jadual 4.12 ini juga menjelaskan bahawa hanya sedikit responden yang bersetuju bahawa Islam adalah agama bagi orang Melayu iaitu seramai 93 orang (21.2%). Manakala lebih separuh dari jumlah keseluruhan responden iaitu 249 orang (64.6%) tidak bersetuju bahawa agama Islam hanya khusus untuk orang Melayu. Manakala selebihnya iaitu 43 orang (11.2%) tidak pasti tentang perkara ini.

Berdasarkan dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Cina dapat memahami dan berpersepsi baik tentang agama Islam bukanlah satu agama yang hanya khusus bagi orang Melayu sahaja bahkan ia adalah agama yang boleh dianuti oleh semua bangsa. Ini dapat dilihat melalui penerimaan dan pemelukan Islam dari pelbagai bangsa dan agama yang berada di Brunei Darussalam.¹⁷⁸

Selain itu juga, majoriti responden iaitu seramai 307 orang (79.2%) menyatakan tidak bersetuju bahawa Islam adalah agama teroris seperti yang dibentangkan dalam jadual 4.12. Manakala 52 orang (13.2%) tidak pasti tentang perkara ini dan 26 orang (6.7%) menyatakan persetujuan mereka.

Melalui hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Cina berpandangan positif terhadap agama Islam di Brunei Darussalam tanpa menganggapnya sebagai satu agama penganas atau teroris. Dapatan kajian ini menjelaskan isu keganasan seperti yang dicatatkan oleh Amerika Syarikat¹⁷⁹ atau

¹⁷⁷ Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, 16.

¹⁷⁸ Ibid.

¹⁷⁹ Qader Muheideen, *Transforming Terrorism with Muslims*', 190.

ekstrimis¹⁸⁰ tidak berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Rentetan dari perkara ini, dengan penonjolan tatacara kehidupan masyarakat Islam di Brunei Darussalam yang mementingkan harmoni dan kesejahteraan timbul dalam kalangan masyarakat Cina persepsi yang baik dan positif terhadap Islam.

Oleh itu, sebagai kesimpulan dapat dibuktikan melalui kajian ini bahawa kebanyakan masyarakat Cina tidak mempunyai sebarang tanggapan atau persepsi yang negatif terhadap Islam dari sudut isu-isu semasa yang dihadapi oleh agama Islam walaupun pada masa kini banyak unsur-unsur negatif berkaitan dengan Islam disebarluaskan melalui media lebih-lebih lagi dari pihak Barat yang merasakan Islam sebagai satu ancaman kepada mereka.

4.5 PERSEPSI MASYARAKAT CINA TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM

Dalam penyelidikan ini, pengkaji mengajukan persoalan kepada responden berkenaan dengan persepsi mereka terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam berdasarkan 3 sudut. Pertama sekali pengkaji mengajukan persoalan tentang sikap masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Kedua, persoalan tentang pelaksanaan orang Islam terhadap ajaran-ajaran Islam dan akhir sekali iaitu sudut ketiga ialah tentang pergaulan masyarakat Islam dengan responden. Huraian hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

4.5.1 Persepsi Terhadap Sikap

Sikap yang baik haruslah ada dalam peribadi setiap orang Islam. Justeru, untuk menilai persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam, pengkaji telah menyediakan beberapa item soalan untuk responden menjawab persoalan berkaitan dengan sikap. Hasil dapatan kajian dijelaskan dalam jadual 4.13.

¹⁸⁰ Roziah Sidik, *Pengajian Islam*, 316.

Jadual 4.13: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Sikap

		Persepsi Responden					Skor Purata Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1	Orang Islam di NBD mementingkan diri sendiri	100 (26.0%)	193 (50.1%)	48 (12.5%)	37 (9.6%)	7 (1.8%)	3.89
2	Tolong-menolong salah satu sikap orang Islam di NBD	4 (1.0%)	21 (5.5%)	49 (12.7%)	218 (56.6%)	93 (24.2%)	3.97
3	Orang Islam di NBD tidak menghormati agama lain	67 (17.4%)	179 (46.5%)	101 (26.2%)	32 (8.3%)	6 (1.6%)	3.70

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

(Nota: NBD- Negara Brunei Darussalam)

Dalam jadual 4.13 ini menjelaskan lebih dari separuh responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam mementingkan diri sendiri. Jumlah responden yang tidak bersetuju ini ialah seramai 293 orang (76.1%). Ada pun responden yang tidak pasti tentang perkara ini ialah seramai 48 orang (12.5%). Tidak dinafikan terdapat segelintir kecil dari responden yang bersetuju dengan sikap orang Islam yang mementingkan diri sendiri dengan jumlah keramaian seramai 44 orang (11.4%).

Berdasarkan hasil penyelidikan ini dapat menghuraikan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam bukanlah orang yang mementingkan diri sendiri. Hasil kajian ini turut membuktikan persepsi masyarakat Cina terhadap Islam adalah di tahap yang positif.

Di samping itu, jadual 4.13 menghuraikan bahawa 311 orang (80.8%) dari jumlah responden bersetuju bahawa orang Islam di Brunei Darussalam mempunyai sikap tolong-menolong. Seramai 49 orang (12.7%) orang pula tidak pasti tentang

sikap ini dalam diri orang Islam. Manakala 25 orang (6.5%) tidak bersetuju bahawa orang Islam adalah masyarakat yang tolong-menolong. Melalui dapatan kajian ini jelas membuktikan bahawa majoriti responden berpandangan baik terhadap Islam. Selain itu juga, kajian ini menjelaskan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam tidak berat hati untuk memberi segala bentuk pertolongan sesama masyarakat Cina.

Ada pun pernyataan bahawa orang Islam di Negara Brunei Darussalam tidak menghormati agama lain, jadual 4.13 menjelaskan bahawa 246 orang (63.9%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. 101 orang (26.2%) orang pula tidak pasti tentang pernyataan ini. Manakala 38 orang (9.9%) dari jumlah keseluruhan responden bersetuju bahawa orang Islam di Brunei Darussalam tidak menghormati agama lain. Melalui dapat kajian ini, dapat dikatakan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam bersikap baik terhadap agama lain dengan cara menghormati para penganutnya.

Secara kesimpulannya, proses interaksi dan komunikasi antara sesama manusia dapat mempengaruhi antara satu dengan yang lain dalam pembentukan peribadi dan persepsi seseorang.¹⁸¹ Sikap yang baik ditonjolkan orang Islam di Brunei Darussalam ini mempengaruhi persepsi yang positif kepada masyarakat Cina tentang perwatakan umat Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, masyarakat Cina di Brunei Darussalam tidak berfikiran negatif terhadap sikap yang ada pada orang Islam.

4.5.2 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Ajaran-Ajaran Islam

Dalam ajaran agama Islam terdapat hukum atau undang-undang yang harus dipatuhi oleh semua penganutnya berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Hukum Islam ini terdiri dari 5 komponen iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Dalam penyelidikan ini, beberapa persoalan telah ditanyakan kepada responden untuk mengetahui

¹⁸¹ Prof. H.M Arifin, *Psikologi Dakwah*, 69.

persepsi mereka terhadap pelaksanaan masyarakat Islam tentang ajaran-ajaran Islam.

Hasil dapatan kajian dibentang dalam jadual 4.14.

Jadual 4.14: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Perlaksanaan Ajaran-Ajaran Islam

		Persepsi Responden					Skor Purata Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1	Orang Islam di NBD rajin bersembahyang	3 (0.8%)	19 (4.9%)	75 (19.5%)	211 (54.8%)	77 (20.0%)	3.88
2	Orang Islam di NBD suka berjudi	97 (25.2%)	182 (47.3%)	91 (23.6%)	14 (3.6%)	1 (0.3%)	3.94
3	Orang Islam di NBD tidak minum arak	12 (3.1%)	48 (12.5%)	122 (31.7%)	141 (36.6%)	62 (16.1%)	3.56

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

(Nota: NBD- Negara Brunei Darussalam)

Jadual 4.14 ini menjelaskan bahawa kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam rajin menunaikan rukun Islam yang kedua iaitu solat. Jumlah yang menyatakan persetujuan ini ialah seramai 288 orang (74.8%). Hanya sedikit sahaja yang tidak bersetuju tentang pernyataan ini dengan keramaian sebanyak 22 (5.7%) manakala 75 orang (19.5%) menyatakan tidak pasti.

Hasil dapatan kajian ini membuktikan orang Islam di Brunei Darussalam dapat menonjolkan sikap yang tegas berkaitan dengan solat. Pada pendapat pengkaji, pembinaan masjid yang banyak di seluruh Brunei Darussalam menyumbang ke arah persepsi yang baik di kalangan orang Cina terhadap masyarakat Islam khususnya dalam perlaksanaan solat.

Begitu juga dalam isu perjudian, jadual 4.14 ini menunjukkan bahawa seramai 279 (72.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan orang Islam di Brunei Darussalam suka berjudi. 15 orang (3.9%) pula menyatakan persetujuan tentang

penyataan ini dan 91 orang (23.6%) tidak pasti. Hasil kajian ini dapat menggambarkan majoriti responden berpersepsi baik terhadap orang Islam di Brunei Darussalam. Ketiadaan pusat-pusat atau pun kedai-kedai perjudian di Brunei Darussalam berkemungkinan menjadi salah satu faktor membuatkan mereka berpersepsi baik.

Demikian juga hal berkaitan dengan arak, jadual 4.14 menghuraikan bahawa responden yang menyatakan persetujuan mereka tentang orang Islam tidak meminum arak di Brunei Darussalam mendominasi penyataan ini. Jumlah mereka yang bersetuju ialah seramai 203 orang (52.7%). Manakala seramai 122 orang (31.7%) pula tidak pasti dengan hal ini. 60 orang (15.6%) pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju tentang orang Islam di Brunei Darussalam tidak meminum arak. Dapatkan kajian ini dapat menjelaskan bahawa kebanyakan responden berpersepsi baik terhadap orang Islam di Brunei Darussalam dengan ketiadaan peminum arak atau pun kaki arak. Hal ini juga dapat membuktikan bahawa kerajaan Brunei Darussalam melarang keras terhadap minuman keras sehingga ia tidak dijual di kedai-kedai atau tidak boleh dibawa masuk ke Brunei Darussalam.

Kesimpulannya, orang Islam di Brunei Darussalam memainkan peranan penting dalam menunjukkan dan menonjolkan perwatakan yang baik sebagai seorang Muslim. Mereka mentaati segala peraturan-peraturan yang terkandung dalam ajaran Islam sehingga menjadikan kebanyakan orang bukan Islam khususnya bangsa Cina berpandang baik terhadap orang Islam dari sudut perlaksanaan ajaran-ajaran Islam.

4.5.3 Persepsi Terhadap Pergaulan

Agama Islam sangat menggalakan umatnya untuk menjalinkan hubungan sesama insan tidak kira sama ada Islam atau pun bukan. Dalam konteks Brunei Darussalam, masyarakat Islam tidak terlepas untuk bergaul dengan orang bukan Islam khususnya bangsa Cina. Oleh yang demikian, dalam penyelidikan ini pengkaji turut mengajukan

kepada responden tentang persepsi mereka terhadap pergaulan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Hasil dapatan kajian dihuraikan dalam jadual 4.15.

Jadual 4.15: Taburan Responden Mengikut Persepsi Terhadap Pergaulan

		Persepsi Responden					Skor Purata Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1	Orang Islam di NBD tidak bersopan-santun	67 (17.4%)	195 (50.6%)	93 (24.2%)	26 (6.8%)	4 (1.0%)	3.77
2	Tidak menghadapi kesusahan ketika berurusan dengan orang Islam di NBD	11 (2.9%)	28 (7.3%)	114 (29.6%)	154 (60.0%)	78 (20.3%)	3.68
3	Orang Islam di NBD berkomunikasi dengan baik	2 (0.5%)	30 (7.7%)	90 (23.4%)	203 (52.7%)	60 (15.6%)	3.75

Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Oktoper 2013.

(Nota: NBD- Negara Brunei Darussalam)

Berdasarkan jadual 4.15 ini, majoriti responden tidak bersetuju tentang pernyataan “orang Islam di Negara Brunei Darussalam tidak bersopan santun dengan rekod sebanyak 262 orang (68%). 93 orang (24.2%) pula menyatakan tidak pasti. Manakala hanya segelintir responden bersetuju bahawa pergaulan orang Islam di Brunei Darussalam tidak bersopan santun dengan jumlah seramai 30 orang (7.8%).

Hasil penyelidikan ini membuktikan bahawa orang Islam di Brunei Darussalam bergaul dengan baik tanpa mengira status bangsa atau agama. Kesopanan ini menjadikan kebanyakan masyarakat Cina berpandangan baik terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam.

Selain itu, jadual 4.15 menjelaskan bahawa seramai 232 orang (80.3%) responden bersetuju bahawa mereka tidak menghadapi sebarang masalah ketika

berurusan dengan orang Islam di Brunei Darussalam. 114 orang (29.6%) pula menyatakan tidak pasti sama ada mereka menghadapi masalah atau pun tidak. Terdapat juga responden yang menyatakan tidak bersetuju tentang pernyataan ini dengan keramaian seramai 39 orang (10.2%).

Hasli kajian ini membuktikan bahawa membuat sebarang urusan dengan orang Islam di Brunei Darussalam bukanlah satu perkara yang susah. Ini turut membuktikan bahawa mereka memberi layanan baik tanpa ada sebarang prejedis kepada golongan orang bukan Islam khususnya masyarakat Cina.

Bagi pernyataan “orang Islam di Negara Brunei Darussalam berkomunikasi dengan baik” seperti dalam jadual 4.15, seramai 263 orang (68.3%) responden bersetuju tentang perkara ini. Ada pun “tidak pasti” dijawab oleh 90 orang (23.4%) dan “tidak setuju” seramai 32 orang (8.2%) untuk pernyataan komunikasi yang baik.

Melalui dapatan ini, dapat dikatakan orang Islam di Brunei Darussalam berjaya untuk memberikan komunikasi yang baik kepada bangsa Cina sehingga mereka memberi gambaran yang positif kepada orang Islam. Komunikasi yang baik ini seharusnya dijaga di antara masyarakat Islam dan masyarakat Cina di Brunei Darussalam kerana dengan adanya komunikasi yang baik dapat memberikan dan meningkatkan persepsi yang positif tentang sesuatu perkara.¹⁸²

Justeru, berdasarkan hasil dapatan penyelidikan ini mendapati pergaulan orang Islam di Brunei Darussalam dengan masyarakat Cina adalah ditahap yang baik. Majoriti responden berpersepsi baik dan positif terhadap masyarakat Islam dari sudut pergaulan.

Hal ini bertepatan dengan penjelasan Yusof al-Qardhawi tentang keperluan untuk bertoleransi dengan penganut-penganut agama lain sebagai yang sangat penting. Sikap seperti ini ditunjukkan menerusi amalan menghormati pegangan

¹⁸² Mahmood Nazar, *Pengantar Psikologi*, 512.


penganut agama lain, membenarkan mereka melaksanakan upacara keugamaan mereka dan tidak memaksa mereka menganut agama Islam agar usaha menjadikan sebuah negara itu harmoni dan damai tercapai.¹⁸³

4.6 FAKTOR-FAKTOR PENERIMAAN DAN PENOLAKAN ISLAM

Untuk mendapatkan gambaran umum sama ada responden yang terdiri dari masyarakat Cina mahu menerima Islam ataupun tidak, maka kajian ini telah mengemukakan satu bahagian tentang persoalan ini di dalam borang soal selidik. Dalam penyelidikan ini, pengkaji turut mendapatkan data tentang faktor-faktor yang menjadikan masyarakat Cina di Brunei Darussalam menerima Islam dan sebaliknya.

Huraian hasil kajian dijelaskan seperti berikut:

Rajah 4.2: Taburan Responden Mengikut Penerimaan Dan Penolakan Terhadap Islam



Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Dalam rajah 4.2 ini dapat menjelaskan dari jumlah keseluruhan responden yang menjadi sampel penyelidikan ini, kebanyakan mereka iaitu seramai 341 orang (88.6%) menolak untuk menerima Islam sebagai agama mereka. Ini menjelaskan bahawa mereka sangat berpegang teguh kepada agama mereka dan tidak berminat untuk menjadikan agama Islam sebagai agama mereka. Tidak dinafikan juga,

¹⁸³ Yusuf al-Qardhawi, *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*, 5.


terdapat dari kalangan mereka yang mahu menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka akan tetapi jumlah ini sangat sedikit iaitu seramai 44 orang (11.4%).

Ini membuktikan bahawa Islam bukanlah satu agama yang asing dalam kalangan masyarakat Cina namun hanya segelintir sahaja yang berminat untuk menerima Islam. Selain itu juga, gambaran hasil kajian ini menjelaskan bahawa walaupun ajaran-ajaran Islam sudah lama dihidupkan di Brunei Darussalam namun ketarikan masyarakat Cina untuk menerima Islam sebagai agama mereka kurang memberangsangkan. Ini berkemungkinan mereka melihat Islam secara luaran sahaja tanpa mengenalinya dengan lebih mendalam.

4.6.1 Faktor-Faktor Penerimaan Islam

Setentunya terdapat beberapa faktor yang membuatkan masyarakat Cina untuk menerima Islam walaupun jumlah responden dalam kelompok ini adalah sedikit. Justeru, huraihan tentang faktor-faktor ini di bentang dalam rajah 4.3.

Rajah 4.3: Faktor-Faktor Penerimaan Responden Terhadap Agama Islam



Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Oktoper 2013.

Hasil kajian ini seperti yang dibentangkan dalam rajah 4.3 mendapati faktor yang banyak menyumbang kepada penerimaan responden untuk memeluk Islam ialah tertarik dengan keadaan masyarakat Islam dengan peratusan 34.1% iaitu 15 pilihan.

Ini membuktikan bahawa masyarakat Islam di Brunei Darussalam membawa imej baik tentang Islam. Nilai-nilai yang murni dalam hubungan antara masyarakat Islam dan *non-Muslim* diterapkan dan dipraktikkan dalam kehidupan bersosial.


Manakala faktor kedua ialah kebenaran Islam yang cukup jelas dengan peratusan 27.3% iaitu 12 pilihan. Ada pun faktor ketiga pula yang menyebabkan mereka mahu menerima Islam ialah mempunyai ramai kawan jika memeluknya dengan peratusan 18.2% iaitu sebanyak 8 pilihan. Manakala faktor kebahagiaan yang diberikan oleh Islam untuk kehidupan dan akhirat mendapat peratusan 15.9% iaitu sebanyak 7 pilihan. Hanya 4.5 % iaitu 2 pilihan dari jumlah keseluruhan responden menjadikan ekonomi semakin meningkat sebagai faktor penerimaan mereka terhadap Islam.

Berdasarkan hasil kajian ini, masyarakat Islam di Brunei Darussalam dapat membawa watak Islam dengan baik dan menonjolkannya dengan jelas sehingga ketarikan tentang kehidupan masyarakat Islam di Brunei Darussalam menjadi faktor utama dalam berdakwah kepada masyarakat Cina yang belum memeluk agama Islam. Namun begitu, penjelasan tentang kebenaran Islam haruslah ditekankan dan diambil berat agar dakwah Islam itu mudah dicapai.

4.6.2 Faktor-Faktor Penolakan Islam

Ada pun hasil dapatan penyelidikan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi responden untuk menolak Islam telah dijelaskan dalam rajah 4.4 seperti berikut:

Rajah 4.4: Faktor-Faktor Penolakan Responden Terhadap Agama Islam



Sumber: Borang Soal Selidik, Mei-Okttober 2013.

Dalam rajah 4.4 ini menunjukkan bahawa faktor utama yang menghalang responden untuk menerima Islam ialah peraturan yang banyak dalam Islam dengan peratusan majoriti iaitu 55.1% (188 pilihan). Hal ini menggambarkan bahawa mereka merasakan peraturan yang banyak dalam Islam itu mengongkong kehidupan mereka. Faktor ini juga sama berlaku di Malaysia. Menurut kajian yang dibuat oleh Dr Abd Aziz bin Mohd Zin, perkara yang berkaitan dengan peraturan yang banyak dalam Islam menyebabkan kurangnya minat masyarakat *non-Muslim* untuk memeluk agama Islam.¹⁸⁴

Turut menjelaskan di sini bahawa mereka lebih suka untuk memilih kehidupan yang bebas dari peraturan yang banyak. Selain itu juga, faktor kedua tertinggi ialah tidak jelas kebenaran dalam ajaran Islam yang mempengaruhi sebanyak 28.5% iaitu sebanyak 97 pilihan. Hal ini membuktikan bahawa penerangan tentang ajaran-ajaran Islam dengan lebih mendalam dan padat kurang memberangsangkan sehingga keyakinan mereka terhadap kebenaran Islam tidak begitu tinggi.

¹⁸⁴ Abd Aziz bin Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 217.

Salah satu faktor penolakan responden terhadap Islam juga ialah takut dijauhi oleh kawan-kawan mereka dengan peratusan sebanyak 5.6 % iaitu 19 pilihan. Di samping itu juga, 4.7% iaitu sejumlah 16 pilihan menjadikan faktor ekonomi tidak meningkat sebagai salah satu penyebab mereka untuk tidak memeluk Islam. Pada pendapat pengkaji, faktor ini berkemungkinan dipengaruhi oleh suasana perniagaan di Brunei Darussalam yang banyak didominasikan oleh kaum Cina dan India. Masyarakat Islam yang majoritinya terdiri dari bangsa Melayu dilihat kurang menceburi dalam bidang perniagaan dan lebih selesa untuk berkerja dengan kerajaan.

Selain itu, 3.5% iaitu 12 pilihan yang menyatakan bahawa mereka merasakan Islam tidak memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Terdapat juga yang menolak Islam sebagai pegangan hidup mereka atas dasar tidak mahu kehilangan nama keluarga mereka yang asal. Namun jumlah responden yang memilih faktor ini amat sedikit dengan peratusan sebanyak 2.6% iaitu 9 pilihan.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa mereka masih menganggap jika memeluk Islam, maka nama keluarga haruslah dibuang dan digantikan dengan nama yang baru. Ini dilihat dari sudut adat atau kebiasaan yang dilakukan ketika seseorang itu memeluk agama Islam, seringkali nama asal mereka ditukar atau dibuang.

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji merumuskan keseluruhan hasil penyelidikan dan memberikan beberapa saranan-saranan yang sewajarnya kepada pihak tertentu berpandukan dapatan kajian yang sudah dianalisis.

5.2 RUMUSAN

Kesimpulan yang boleh didapati dalam hasil penyelidikan ini telah dapat dirumuskan dan diuraikan seperti berikut:

- 1) Masyarakat Cina di Brunei Darussalam.
- 2) Pengetahuan masyarakat Cina tentang agama Islam.
- 3) Persepsi masyarakat Cina terhadap Islam.
- 4) Persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam.

5.2.1 Masyarakat Cina di Brunei Darussalam

Masyarakat Cina merupakan bangsa kedua yang terbesar di Brunei Darussalam. Kebanyakan mereka yang menetap di Brunei Darussalam adalah bertaraf warganegara iaitu sebagai rakyat Brunei. Tumpuan utama tempat kediaman mereka ialah di daerah Brunei Muara. Ini disebabkan kebanyakannya pusat kerajaan berpangkalan di daerah Brunei Muara yang memudahkan mereka untuk mengurus sebarang urusan di samping ibu negara Brunei Darussalam terletak di daerah ini.

Masyarakat Cina di Brunei Darussalam kebanyakannya terdiri dari penganut Buddha. Ini menjadikan Kristian sebagai agama kedua terbanyak dianuti oleh

mereka. Walaupun begitu, masih terdapat daripada mereka yang memilih untuk memeluk agam Islam dengan jumlah yang sedikit pada setiap tahun.

Dari sudut kemasyarakatan pula, mereka tidak ketinggalan untuk menubuhkan beberapa badan kebajikan untuk menjalankan sebarang aktiviti. Selain itu juga, mereka sangat memberi kerjasama jika terdapat sebarang aktiviti dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam khususnya. Demikian juga, mereka memainkan peranan penting dalam meningkatkan dan memajukan negara terutama sekali dalam bidang perniagaan. Perkara ini boleh dilihat dengan jelas dengan banyaknya perniagaan yang dibangunkan oleh massyarakat Cina di Brunei Darussalam.

5.2.2 Pengetahuan Tentang Agama Islam

Hasil penyelidikan ini dapat menyimpulkan bahawa banyak sumber yang menyumbang kepada masyarakat Cina di Brunei Darussalam tentang ajaran-ajaran Islam. Namun sumber yang paling besar memainkan peranan ini ialah pendidikan di sekolah-sekolah. Hal ini dapat dibuktikan dengan ramainya responden memilih faktor persekolahan membantu mereka untuk mempelajari Islam dengan jumlah responden seramai 267 orang (40.5%).

Kajian ini mendapati pengetahuan mereka terhadap aqidah Islam sangat baik. Ini dapat dibuktikan berdasarkan majoriti responden yang dapat menjawab dengan betul tentang persoalan aqidah yang menyentuh 3 aspek iaitu ketuhanan, hari kiamat dan kenabian Muhammad SAW. Hal ini membuktikan mereka berlapang dada untuk mempelajari tentang agama Islam walaupun tidak memeluknya.

Dari sudut pengetahuan tentang hukum-hukum yang ada dalam Islam, mereka juga boleh menjawabnya dengan tepat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang menyatakan bahawa persoalan hukum-hukum tentang arak, judi

dan zina boleh dijawab dengan betul oleh majoriti responden. Kajian dapat mengambarkan bahawa mereka juga peka dengan hukum-hukum yang wujud dalam Islam.

Dari sudut ibadah pula, mereka tidak ketinggalan untuk memahaminya dengan baik. Ini dapat dilihat melalui hasil kajian yang menjelaskan bahawa kebanyakan responden dapat menjawab dengan lurus tentang persoalan ibadah Islam yang menrangkumi perkara solat, puasa dan haji.

Justeru, dapat dikatakan bahawa tahap pengetahuan masyarakat Cina tentang ilmu yang berkaitan dengan agama Islam adalah sangat baik berdasarkan data yang dianalisa dalam penyelidikan ini.

5.2.3 Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Islam

Dalam penemuan penyelidikan ini, persepsi masyarakat Cina terhadap Islam di Brunei Darussalam dari perspektif kepentingan Islam adalah ditahap yang bagus. Kebanyakan responden iaitu 257 orang (66.8%) bersetuju bahawa Islam bukanlah agama yang hanya mementingkan akhirat bahkan juga mengambil berat tentang hal ehwal di dunia. Begitu juga, majoriti responden iaitu seramai 340 orang (88.3%) dari jumlah keseluruhan responden bersetuju bahawa salah satu kepentingan Islam ialah mengajak ke arah kebaikan. Selain itu juga, kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa ajaran Islam masih relevan hingga ke hari ini. Ini dapat dibuktikan melalui hasil penyelidikan yang menyatakan bahawa 190 (49.3%) orang responden bersetuju tentang perkara ini.

Dari perspektif peraturan yang ada dalam Islam pula, kebanyakan responden memberikan pandangan yang baik terhadap 3 persoalan yang diajukan kepada mereka. Ini dapat dijelaskan melalui hasil kajian yang mendapati bahawa majoriti responden iaitu 211 orang (54.8%) menyatakan bahawa Islam bukanlah agama yang

mengongkong umatnya bahkan ada kebebasan dalam agama ini. Demikian juga, kebanyakan responden 163 orang (36.3%) menyatakan bahawa hukuman dalam Islam tidak kejam. Selain itu juga, peraturan Islam yang berkaitan dengan pengharaman arak dan judi mendapat sambutan yang baik dan diboleh diterima oleh kebanyakan responden iaitu seramai 161 (41.8%) orang. Namun begitu masih terdapat juga segolongan masyarakat Cina yang masih tidak dapat menerima tentang pengharaman arak dan judi yang ada dalam peraturan Islam dengan catatan 130 (33.8%).

Ada pun persepsi masyarakat Cina terhadap Islam dari perspektif isu-isu semasa, hasil kajian mendapati majoriti responden berfikiran positif tentang isu perkembangan Islam. 194 orang (50.4%) responden berpendapat bahawa agama Islam merupakan agama yang cepat berkembang pada masa ini. Mereka turut berpandangan baik bahawa Islam bukanlah agama yang khusus untuk orang Melayu sahaja bahkan ia agama bagi semua bangsa. Seramai 249 orang (64.6%) menyatakan persetujuan tentang perkara ini. Selain itu juga, 307 orang (79.2%) responden bertanggapan baik tehadap Islam bahawa bukanlah satu agama teroris yang mengajak para penganutnya untuk bersifat extremis. Secara kesimpulan yang menyeluruh, hasil penyelidikan ini membuktikan bahawa majoriti masyarakat Cina mempunyai persepsi yang baik terhadap Islam berdasarkan hasil kajian ini.

5.2.4 Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Masyarakat Islam

Melalui analisis dapatan kajian ini, dapat dikatakan bahawa persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam adalah ditahap yang baik dan positif. Dari sudut sikap yang adalah dalam diri orang Islam di Brunei Darussalam, lebih dari separuh responden iaitu 293 orang (76.1%) bersetuju bahawa orang Islam bukanlah tergolong dalam kalangan yang mementingkan diri sendiri. Begitu juga 311

orang (80.8%) bersetuju orang Islam di Brunei Darussalam mempunyai sifat tolong-menolong sesama yang lain. Demikian juga 246 orang (63.9%) responden berpendapat bahawa orang Islam di Brunei Darussalam menghormati penganut agama lain.

Selain itu juga, persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam dari sudut pelaksanaan ajaran-ajaran Islam mendapat tanggapan yang positif dari kalangan responden. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil penyelidikan yang mendapati bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 288 orang (74.8%) berpandangan baik bahawa orang Islam rajin untuk mendirikan solat. Manakala 279 (72.5%) orang responden pula iaitu jumlah majoriti yang berpendapat bahawa orang Islam tidak berjudi. Demikian juga, 203 orang (52.7%) pula berpandangan baik terhadap orang Islam dengan menyatakan bahawa mereka tidak meminum arak.

Ada pun dari sudut pergaulan orang Islam dengan orang bukan Islam di Brunei Darussalam, hasil penyelidikan ini menjelaskan bahawa kebanyakan masyarakat Cina tidak berfikiran negatif terhadap persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pergaulan ini. Ini dapat dijelaskan berdasarkan hasil dapatan kajian ini yang membuktikan bahawa 262 orang (68%) bersetuju bahawa orang Islam mengamal sikap bersopan santun dengan penganut agama lain. Begitu juga dengan hasil penyelidikan ini yang menjelaskan bahawa majoriti responden iaitu seramai 232 orang (80.3%) menyatakan bahawa mereka tidak menghadapi sebarang kesusahan ketika berurusan dengan orang Islam di Brunei Darussalam. Begitu juga dengan persepsi responden terhadap masyarakat Islam di Brunei Darussalam dari aspek komunikasi adalah baik. Perkara ini dapat dilihat melalui hasil kajian yang menyatakan bahawa 263 orang (68.3%) bersetuju bahawa orang Islam di Brunei

Darussalam dapat berkomunikasi dengan baik ketika bergaul dengan orang bukan Islam.

Justeru, berdasarkan hasil penyelidikan ini dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Islam di Brunei Darussalam dapat membawa imej Islam yang baik dan menghidupkan perwatakan sebagai seorang Muslim.

Akhir sekali, berdasarkan hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa walaupun kebanyakan responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang Islam dan majoriti berpersepsi positif terhadap Islam dan masyarakat Islam namun kebanyakan mereka masih tidak berminat memeluk agama Islam. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk menolak agama Islam ialah; 1) banyak peraturan yang harus dipatuhi dalam Islam yang menyebabkan mereka menjadikan faktor ini sebagai faktor utama untuk menolak Islam; 2) tidak jelas kebenaran dalam Islam; 3) takut dijauhi dan ditinggal oleh kawan-kawan; 4) takut ekonomi tidak meningkat jika memeluk Islam; 5) merasakan bahawa agama Islam tidak memberi kebahagian dunia dan akhirat; 6) takut nama keluarga yang asal harus dilucutkan setelah memasuki agama Islam.

5.3 SARANAN

Setelah mendapati beberapa penemuan dalam penyelidikan ini, pengkaji memberikan beberapa saranan kepada beberapa pihak yang tertentu seperti berikut untuk dilaksanakan dan dipertimbangkan seperti berikut:

- 1) Pengkaji yang akan datang
- 2) Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam
- 3) Orang Awam yang beragama Islam

5.3.1 Pengkaji Yang Akan Datang

Beberapa cadangan yang dicadangkan bagi pengkaji yang akan datang antaranya ialah seperti berikut:

- 1) Kajian yang berkaitan dengan masyarakat Cina di Brunei Darussalam kurang mendapat perhatian dari para pengkaji terdahulu. Justeru, adalah dicadangkan kepada pengkaji yang akan datang untuk menyumbangkan pelbagai kajian tentang masyarakat Cina lebih-lebih mereka merupakan bangsa kedua terbesar di Brunei Darussalam.
- 2) Ada pun kajian yang telah dilaksanakan ini merupakan satu kajian yang awal tentang persepsi masyarakat Cina terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada bangsa Cina yang tinggal di daerah Brunei Darussalam. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kajian dari sudut persepsi bagi masyarakat Cina di daerah-daerah lain dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan ataupun persamaan tentang persepsi ini.
- 3) Selain itu juga, kajian ini merupakan kajian satu kajian yang berbentuk deskriptif yang hanya menyatakan data melalui peratusan dan kekerapan. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika pengkaji yang akan datang membuat kajian tentang persepsi masyarakat Cina terhadap Islam dan masyarakat Islam dengan menggunakan kaedah lain seperti kajian kes, kajian kolerasi atau kajian perbandingan misalnya. Dengan kajian seperti ini akan membolehkan untuk mencari dan mendapatkan maklumat yang lebih mendalam.

5.3.2 Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam

Bagi Pusat Dakwah Islamiah selaku nadi untuk menyebarkan dakwah Islam di Brunei Darussalam, beberapa saranan berdasarkan hasil penyelidikan telah pengkaji kemuka untuk tindakan selanjutnya. Antara saranan tersebut ialah:

- 1) Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa majoriti responden berpersepsi positif terhadap Islam dan mereka juga boleh memahami ajaran-ajaran yang terkandung dalam Islam dengan baik. Namun dari sudut minat mereka terhadap memeluk agama Islam tidak memberangsangkan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bagi Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam untuk mengatur beberapa langkah yang strategik untuk menarik minat masyarakat Cina untuk memeluk agama Islam.
- 2) Hasi kajian juga mendapati, terdapat segolongan masyarakat Cina yang masih tidak mahu menerima tentang pengharaman arak dan judi seperti yang dilarangkan oleh Islam. Justeru, sebagai salah satu alternatif kepada masalah ini, disarankan kepada Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam untuk memperbanyak penerangan dan penjelasan tentang sebab-sebab mengapa Islam menharamkan arak dan judi ini.
- 3) Pengkaji berpendapat bahawa pendakwah Islam yang mahir dalam pertuturan bahasa Cina boleh melicinkan gerakan dakwah kepada bangsa Cina. Oleh itu, pengkaji mencadang kepada pendakwah-pendakwah di Brunei Darussalam untuk mempelajari bahasa Cina agar urusan dakwah yang dilaksanakan dapat menarik minat orang Cina untuk memeluk agama Islam.

5.3.3 Orang Awam Yang Beragama Islam

Selain beberapa saranan untuk pengkaji yang akan datang dan Pusat Dakwah Islam Brunei Darussalam, pengkaji turut memberi beberapa cadangan yang boleh

dipertimbangkan oleh orang awam yang beragama Islam. Antara saranan tersebut ialah:

- 1) Berdasarkan kajian ini, persepsi masyarakat Cina terhadap masyarakat Islam adalah ditahap yang memuaskan. Justeru, penonjolan dan pembawaan imej Islam yang baik ini haruslah dikekalkan agar dapat menarik mereka untuk mempelajari corak kehidupan sebagai seorang Islam.
- 2) Walaupun hasil kajian mendapati masyarakat Cina berpersepsi baik terhadap Islam dan masyarakat Islam di Brunei Darussalam, namun kebanyakan mereka masih menolak untuk memeluk agama Islam atas sebab peraturan yang banyak dalam Islam. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan kepada orang awam yang beragama Islam agar berganding bahu untuk menjelaskan bahawa walaupun peraturan dalam Islam ada banyak akan tetapi ia tidak membebankan malah ia membawa kepada kehidupan yang lebih baik, harmoni dan sejahtera.

Sebagai penutup, kajian-kajian yang berterusan tentang masyarakat Cina haruslah diambil berat agar dapat menyumbang kepada kepelbagaian cabang ilmu. Di samping itu, kajian sebegini dapat menunjukkan betapa berusahanya kita agar masyarakat Cina dapat menerima Islam sebagai agama mereka di samping menunjukkan pemedulian kepada bangsa ini. Oleh yang demikian, kerjasama dari semua pihak adalah penting bagi menjayakan dakwah kepada orang bukan Islam khususnya masyarakat Cina.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Abd Aziz bin Mohd Zin, *Dakwah Al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan* (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994).

_____, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi SAW* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya, 2012).

Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Dawah* (Beirut: Mu'asisah al-Risalah Nasyirun, 2012).

Abd Rahman I. Doi, *Non-Muslims Under Shariah (Islamic Law)*, (Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 1994).

Ahmad Rofiq, *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia*, (Yogyakarta: Gama Media, 2001).

Ahmad Zaki Hj Abd Latif, *Isu Kafir-Mengkafir Dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik Dan Sosial Masyarakat Melayu*, *Jurnal Usuluddin* 17, (2003).

Al-Farabi, *Ara' Ahlu al-Madinah al-Fadilah* (Beirut: t.p, 1959).

Alias Othman & Dr. Anisah, *Islam Yang Mudah* (Selangor: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd, 2008).

Ann Wan Seng, *Biar Orang Cina Pimpin Islam*, (Selangor: Kemilau Publika SDN BHD, 2011).

Asmah Omar, *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986).

“Bahagian Warganegara”, Laman sesawang *Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan*, di kemaskini 29 Jun 2009, dicapai 23 Disember 2013, <http://www.imigresen.gov.bn/IM%20WSS/WGN.html>.

BBC, <http://www.bbc.co.uk/news/world-europe-13038095>, 24 Mei 2012.

Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011 (Brunei Darussalam: Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, 2012).

Chia Oai Peng, *Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Di Malaysia* (Seminar Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam di Nusantara, Kuala Terengganu, Terengganu, 24-26 Ogos 2006).

Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan – Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2006).

Diyan Yulianto dan M.S Rohman, *Sumbangan Karya Sains Hebat Islam Abad Pertengahan*, terj. Noraini Abdullah (Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, 2011).

Dr Danial Zainal Abidin, *Islam The Misunderstood Religion* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2011).

Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, “*Persepsi Orang Cina Terhadap Islam Hadhari*”, *Jurnal Hadhari*, Bil 1, (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

Faizuri Abd Latif dan Mohd Kamil Hj Abd Majid, *Islam dan Faham-Faham Keagamaan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011).

Fikri Mahmud, *Pandangan Islam Terhadap Keganasan: Analisis Konsep Jihad Dalam Al-Quran Dan Al-Sunnah Serta Gerakan Islam* (Disertasi Ijazah Sarjana, Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

Ghazali Basri, *Dinamika Tasawur Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Umat* (Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2008).

Ghazali Darulsalam, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat: Ancaman Postmodernisme Terhadap Umat Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributers Sdn Bhd, 1998).

Gregoro F. Zaise, *Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1972).

Hashim Makaruddin, *Terrorism And The Real Issues*, (Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd, 2003).

Hj Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina* (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 2005).

_____, *Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun Di Negara Brunei Darussalam* (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah Brunei, 2005).

_____, *Sejarah Dan Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam Di Brunei Darussalam* (Seminar Sumbangan Orang Cina Terhadap Perkembangan Islam di Nusantara, Kuala Terengganu, Terengganu, 24-26 Ogos 2006).

Hjh Rasinah binti Hji Ahim, “*Penerimaan dan Kefahaman Tentang Islam dalam Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam*” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

Hj Hassan Hj Hamzah, *Ensiklopedia Malaysiana* (Kuala Lumpur: Anzagain Sd.Bhd, 1995).

Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab* (Kaherah: Dār al-Hadīs, t.t).

Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009).

Ismail Ibrahim, *Imej Islam: Tanggapan Negatif dan Penyelesaiannya*, *Jurnal Usuluddin*, 1 (Oktober 1993).

John L. Esposito, *Ancaman Islam: Mitos Atau Realiti*, terj. Nor Azita Omar (Selangor: MidModal Industries Sdn. Bhd, 2004).

John Locke, *An Essays Concerning Human Understanding*, ed. Alexander C. Fraser (New York: Dover Publications, 1959).

Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, "Persepsi Para Pelajar Bukan Islam Di Victoria University Of Wellington, New Zealand Terhadap Islam Dan Cadangan Metodologi Dakwah Di Malaysia", dalam Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (et. al), *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008).

Kamus Dewan, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, ed. Ke-4, 2007).

Kamus Dewan Inggeris-Melayu, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, c. ke-2, 1999).

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011 (Brunei Darussalam: Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2013).

Louis P. Pojman, *The Theory of Knowledge Classical and Contemporary Readings* (Belmont: Thomas Learning, 2003).

Mahmood Nazar Mohamed, *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970).

Mariana@ Nurafwah Farhanah, "Al-Šinniyūn fi Brunei Darussalam wa Kayfiyyat Dāwatahum Ila al-Islam" (Disertasi Sarjana, Universiti Brunei Darussalam, 2004).

M.H.M Sarkar, "Terrorism, Education & Islam", *The Muslim World League Journal* (t.p, March 2002).

Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004).

Mohd Nazari Islmail, "Persepsi Non-Muslim Di Amerika Terhadap Islam: Pengajaran Kepada Masyarakat Islam Di Malaysia", dalam Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (et. al), *Isu Dan Cabaran Hubungan Antara Agama Di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008).

Mohd Roslan Mohd Nor, *Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden*, *Jurnal al-Tamaddun* 6, (2011).

Mohd Rosmizi Abd Rahman et al., *Agama-Agama Di Dunia*, ed. Ke-2, (Negeri Sembilan: Universiti Sain Islam Malaysia, 2012).

Muhd Nur Manuty, *Permasalahan Imej Islam Di Dunia Modern* (Seminar Kefahaman Orang-Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1993).

Muhd Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd, 1994).

Pg Hj Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, *Islam Di Brunei*, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei c.3, 2005).

_____, “*Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam*”, (Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999).

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd Zain bin Hj Serudin, *Brunei Darussalam: Persepsi Sejarah dan Masyarakatnya* (Brunei Darussalam: Azza Publisher & Distributors, 1992).

“Penulis tidak diketahui”, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da’wah Islamiah, 1997).

PL Amin Sweeney, “*Silsilah Raja-Raja Brunei*”, *JMBRAS*, vol. 4, (Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei, 1986).

Prof. Dato’ Dr. Hj Mahmud Saedon, *A Review on: The Implementation and Administration of Islamic Law in Brunei Darussalam*, terj. Sharifah Khadijah Husien Alkaff (Bandar Seri Begawan: Pusat Da’wah Islamiah, 2008).

Prof. H.M Arifin, *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi* (Jakarta: PT Bumi Aksara, 2004).

Prospect, <http://www.prospectmagazine.co.uk/magazine/why-france-is-banning-the-veil/>, 24 Mei 2012.

Qader Muheideen, *Transforming Terrorism With Muslims’ Nonviolent Alternatives?* dalam Abdul Aziz Said et. al, *Contemporary Islam: Dynamic not Static* (Great Britain: Routledge Taylor & Francis Group, 2006).

Robbins Stephens, *Gelagat Organisasi*, terj. Abd Razak Ismail dan Ainie Sulaiman (Selangor: Prentice Hall, t.t).

Roziah Sidik, *Pengajian Islam* (Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd, ed-2, 2011).

“Rukun-Rukun Agama (Iman, Islam dan Ihsan)”, laman sesawang Islam GRID2.0, dikemaskini 21 September 2012, dicapai 17 Februari 2013, <http://www.islamgrid.gov.my/hadith/detailed.php?id=5>.

Sekaran, *Research Methods for Business*, ed. Ke-2 (New York: Wiley, 1992).

Sobhi Rajab Mahmassani, *Falsafah Perundangan Islam*, terj. Mufliza Wijayati (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009).

Suffian Mansor, *Tamadun China*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

Syamsul Bahri Andi Galigo, *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006).

The State of Brunei Annual Report for the Year 1970.

Undang-undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 (Undang-Undang No 4, 1961).

Wang Gungwu, *Latarbelakang Kebudayaan Cina* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979).

Warta Kerajaan 2003 (No. 58/2003)

Yen Ching-Huang, *A Social History of The Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911*, (Singapore: Oxford University Press, 1986).

Yunus Abdullah Ma Zheng Bin, *Persepsi Orang Cina Di Kuala Terengganu Terhadap Agama Islam*, (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Islam, Universiti Malaya, 2001).

Yura Halim dan Jamil Omar, *Sejarah Berunai*, (Brunei: t.p, 1958).

Yusuf al-Qardhawi, *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami* (Kaherah: Maktabah Wabbah, 1977).

_____, *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 1977).

Zaini Hamzah, *Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia* (Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur: Pusat Islam Kuala Lumpur, Ogos 1988).

LAMPIRAN

**BORANG SOAL SELIDIK DAN SURAT KEBENARAN MENJALANKAN
KAJIAN**